



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN EYO HOCK SENG (PAK CHU)
TOK DALANG BERBANGSA CINA**

OLEH:

BATRISYIA AQILAH BINTI AZHAMI	2020489248
NUR NAJWA IZZATY BINTI NASIR	2020866354

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN EYO HOCK SENG (PAK CHU)
TOK DALANG BERBANGSA CINA

OLEH:

BATRISYIA AQILAH BINTI AZHAMI	2020489248
NUR NAJWA IZZATY BINTI NASIR	2020866354

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKTOBER 2022 – FEBRUARI 2023)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH S.W.T dan RasulNYA, Nabi Muhammad S.A.W. Ini kerana rahmatNYA. Semoga kami dapat menyiapkan tugas ini. Akhimya kami berjaya menyiapkan projek berkumpulan ini dengan penuh semangat dan kesungguhan. Semua masa yang diluangkan untuk mencari dan membincangkan idea dan mewajarkan petunjuk teori untuk memacu hasil adalah berbaloi dengan usaha dan masa kita, insya-Allah.

Kami bersyukur kerana berjaya menyiapkan transkrip temu bual bersama Tuan Eyo Hock Seng (Pak Chu) Tok Dalang berbangsa Cina. Kami berjaya menyiapkan tugas ini mengikut masa yang diberikan oleh pensyarah kami, Puan Nurullannisa Binti Abdullah. Kami juga mengucapkan terima kasih atas bimbingan dan dorongan beliau dalam menyiapkan tugas ini dan juga mengajar kami dalam kursus ini. Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Eyo Hock Seng kerana sudi meluangkan masa untuk ditemubual oleh kami. Kerjasama yang diberikan oleh beliau amat kami hargai.

Tugas ini tidak dapat disiapkan tanpa usaha dan kerjasama ahli kumpulan kami, Nur Najwa Izzaty Binti Nasir (2020866354), dan Batrisyia Aqilah Binti Azhami (2020489248). Ucapan terima kasih dan penghargaan juga ditujukan kepada pihak yang secara langsung dan tidak langsung membantu kami menyiapkan tugas ini. Terima kasih semua.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Kerjaya.....	4
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya.....	6
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	32
Bahagian 5: Muzium.....	32
Bahagian 6: Harapan	47
Rujukan.....	52
Lampiran	
Log Wawancara.....	55
Diari Kajian.....	65
Senarai soalan.....	73
Glosari.....	77
Senarai Abreviasi.....	82
Rujukan Kata	83
Surat Perjanjian.....	85
Gambar.....	86
Indeks.....	89

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Wayang kulit Kelantan, satu bentuk teater wayang kulit tradisional di Malaysia, diancam dengan kepupusan yang akan berlaku namun tiada percubaan penting dilakukan untuk mengekalkan warisan budaya ini. Wayang kulit ialah sejenis teater tradisional Asia Tenggara. Ia terdiri daripada persembahan wayang kulit dengan asal usul yang mungkin ada kaitan dengan wayang kulit India. Dengan kepupusan wayang kulit yang melanda negara ini, pengkaji telah melakukan temubual secara bersemuka bersama satu-satunya tokoh wayang kulit terkenal yang berbangsa terkenal di Kelantan. Pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah untuk menjalankan kajian ini secara bersemuka. Menurut pengakaji kajian ini akan memberikan kesan kepada golongan muda masa kini untuk lebih mengenali wujudnya seni wayang kulit ini. Menurut pengkaji juga, kajian ini secara tidak langsung akan membantu dalam mempromosikan bentuk seni ini dan juga secara tidak langsung dengan memeliharanya melalui alternatif yang diambil ini. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji latar belakang Tuan Eyo Hock Seng (Pak Chu) sebagai satu-satunya tokoh wayang kulit dari kaum Cina, serta mengkaji penglibatan awal dan pencapaian beliau dalam seni wayang kulit di Kelantan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mendedahkan kepada orang ramai berkaitan seni wayang kulit dan kewujudan Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu di Kelantan. Kajian ini berperanan sebagai sumbangan untuk memelihara dan menghidupkan wayang tradisional kulit Kelantan untuk generasi akan datang.*

Kata kunci: *Wayang Kulit, Pak Chu, Tuan Eyo Hock Seng, Tok Dalang, Kelantan,*

ABSTRACT

Abstract: *Wayang kulit Kelantan, a form of traditional wayang kulit theater in Malaysia, is threatened with imminent extinction but no significant attempt has been made to preserve this cultural heritage. Wayang kulit is a type of traditional Southeast Asian theater. It consists of wayang kulit performances with origins that may have something to do with Indian wayang kulit. With the extinction of wayang kulit that has hit this country, the researcher has conducted a face-to-face interview with the only famous wayang kulit figure in Kelantan. The researcher has used various methods to conduct this study face-to-face. According to the researcher, this study will have an impact on today's young people to better recognize the existence of this wayang kulit art. According to the researcher also, this study will indirectly help in promoting this art form and indirectly by preserving it through this alternative taken. This study aims to examine the background of Tuan Eyo Hock Seng (Pak Chu) as the only puppet figure from the Chinese race, as well as examine his early involvement and achievements in puppetry in Kelantan. In addition, this study also aims to reveal to the public about puppetry art and the existence of the Tok Dalang Pak Chu Heritage Art Museum in Kelantan. This study serves as a contribution to preserve and revive traditional Kelantan skin puppets for future generations.*

Keywords: *Wayang Kulit, Pak Chu, Tuan Eyo Hock Seng, Tok Dalang, Kelantan.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Eyo Hock Seng
Nama samaran	Pak Chu
Tarikh lahir	03 Mei 1955
Tempat lahir	Kampung, Pasir Parit, Pasir Mas, Kelantan
Alamat	Kampung Pasir Parit, 17040 Pasir Mas, Kelantan
Nombor telefon	019-9984187
Profession	Wayang kulit
Bidang	Seni dan Kebudayaan

PENGENALAN

PENGENALAN

Wayang kulit ialah sejenis teater tradisional Asia Tenggara. Ia terdiri daripada persembahan wayang kulit dengan asal usul yang mungkin ada kaitan dengan wayang kulit India. Di Asia, terdapat pelbagai jenis wayang kulit. Mereka yang dipersembahkan di Semenanjung Malaysia mempunyai pengaruh Jawa atau Patani, yang terdapat di wilayah paling selatan Thailand. Gamelan biasanya digunakan untuk mengiringi persembahan wayang kulit.

Istilah wayang kulit secara harfiah bermaksud bayangan dari kulit dan mempunyai beberapa makna dalam konteks Asia Tenggara. Di Indonesia, istilah wayang kulit bukan sahaja merujuk kepada wayang kulit, tetapi telah menjadi sinonim dengan wayang kulit yang digunakan untuk mencipta bayang-bayang. Di Semenanjung Malaysia, wayang kulit boleh diterjemahkan sebagai pertunjukan kulit.

Seterusnya dalam wayang kulit terdapat pelbagai jenis patung yang digunakan dalam persembahan wayang kulit. Patung dalam wayang kulit terdapat dalam pelbagai saiz, bergantung kepada watak yang ditonjolkan. Patung wayang kulit Melayu biasanya berukuran sekurang-kurangnya 71 cm panjang dan paling banyak 30.5 cm lebar. Sebuah teater bayangan yang lengkap mempunyai antara 160 dan 200 patung yang dikategorikan kepada dewa, pahlawan, raksasa, pertapa, monyet, askar, puteri, senjata, haiwan dan pergunungan. Kebanyakan watak lakonan bayang Melayu hanya mempunyai satu anggota badan yang mengartikulasikan, manakala sebahagian besar patung Jawa dan Bali mempunyai kedua-dua lengan yang diartikulasikan. Patung itu diukir daripada kulit lembu dalam reka bentuk berhias, dan kemudian dicat dengan cantik dengan warna-warna cerah. Kulit lembu betina diutamakan kerana ia lebih besar dan lembut. Dalam wayang kulit, tok dalang, atau dalang, menggerakkan patung di belakang kapas putih atau kain muslin yang tidak diluntur. Ia adalah permainan pemain tunggal dengan berbilang suara yang menceritakan kisah dan mentafsir watak serta dialog. Untuk menghidupkan bayang-bayang patung, tok dalang menggerakkan semua patung di antara lampu dan skrin. Kebanyakan cerita dalam wayang kulit di Jawa, Bali, Semenanjung Tanah Melayu, dan tanah besar Asia Tenggara adalah berdasarkan Mahabharata dan Ramayana.

Wayang kulit diiringi gamelan. Apabila tok dalang bercakap, gamelan itu diam, kecuali apabila ia berdenting dan berdenting untuk menegaskan sesuatu pernyataan atau perkataan. Sebagai tindak balas kepada penceritaan dan pemsaan dalang, pemain

gamelan bertindak balas dan memainkan muzik secara intuitif. Muzik untuk adegan pertempuran, adegan perjalanan, pintu masuk dan keluar watak, dan perarakan pahlawan biasanya disertakan dalam repertoire

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini merupakan temubual secara lisan mengenai latar belakang serta pengalaman kerjaya seorang tokoh dalam bidang seni wayang kulit. iaitu Tuan Eyo Hock Seng yang merupakan satu-satunya tok dalang yang berasal dari kaum Cina yang telah melibatkan diri dalam seni wayang kulit ini sudah hampir 55 tahun. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 11 Januari 2023 bersamaan Khamis pada pukul 8.55 pagi bertempat di Muzium Seni Warisan Tok Dalang Pak Chu, Pasir Mas, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Batrisyia Aqilah dan Nur Najwa Izzaty. Berikut adalah hasil rakaman.

Penunjuk:

PC – Pak Chu

NNI – Nur Najwa Izzaty

BA – Batrisyia Aqilah

NNI : Apakah nama penuh tuan?

PC : Nama penuh saya Eyo Hock Seng. Tapi nama gelarannya Tok Dalang atau pun [juga] Pak Chu.

NNI : Okay.

NNI : Bagaimanakah tuan boleh dapatkan panggilan Pak Chu tersebut?

PC : Sebabnya dia, kebiasaannya di Kampung Pasir Parit ni (ini), kebanyakannya semua orang Cina dia panggil Pak Chu, dia panggil Wok, dia panggil Wak Long, dia macam-macam lah. Sebabnya dia ada -
-- kalau macam saya ni kalau kira - orang tanya saya, kalau orang mari sini, Kampung Parit ni, kalau orang tanya saya, "Mana rumah Eyo Hock Seng?" Semua orang Cina tahu, kalau sebut Tok Dalang ataupun Pak Chu, orang dah boleh tunjuk.

NNI : Bilakah Pak Chu dilahirkan?

PC : Saya dilahirkan 1955, di Kampung Pasir Parit, Chetok, Pasir Mas, Kelantan. Saya sekarang ini sudah 5 generasi tinggal di Pasir Parit.

NNI : Berapakah umur tuan sekarang?

PC : 67

NNI : Tuan berasal dari mana?

PC : Dari Kampung Pasir Parit.

NNI : Seterusnya kita ke latar belakang keluarga Pak Chu. Siapakah namapenuh ayah Pak Chu?

PC : Ayah saya Eyo Yew Saw. Nama ibu saya Gui Ei Lui.

- NNI : Berapakah bilangan adik beradik Pak Chu?
- PC : Adik beradik saya 8 orang. 5 perempuan 3 laki-laki.
- NNI : Pak Chu anak yang ke berapa?
- PC : Anak yang terakhir. Anak bongsu.
- NNI : Adakah semua saudara mara Pak Chu berada di kampung ni [ini]?
- PC : Sedara mara berada di kampung ni [ini].
- NNI : Semua?
- PC : Ya, adik beradik.
- NNI : Seterusnya kita ke perkahwinan. Pada tahun berapakah Pak Chumenamatkan zaman bujang?
- PC : Saya kahwin dalam tahun 1977.
- NNI : 1977
- NNI : Siapakah nama isteri Pak Chu?
- PC : Gak Mei Lei Wei.
- NNI : Isteri Pak Chu berasal dari mana?
- PC : Berasal dari sini juga.
- NNI : Sini jugak [juga], Pasir Mas.
- NNI : Apakah pekerjaan isteri Pak Chu?

PC : Suri rumah tangga.

NNI : Berapakah orang lelaki dan berapa orang perempuan untuk anak PakChu?

PC : Anak saya 5 laki-laki (lelaki), 2 perempuan. 7 orang.

NNI : Adakah mereka semua sudah berkahwin?

PC : Sudah kahwin dah 5 orang, tinggal 2 orang gi (lagi)

NNI : Berapakah bilangan cucu Pak Chu?

PC : Cucu saya 7.

NNI : Seterusnya kita ke pendidikan. Bagaimanakah latar belakang pendidikantuan?

PC : Saya dahulu saya sekolah ' - ' Cina. Saya sekolah Cina sampai darjah 3, kemudian orang tua saya pergi buat kebunlah. Kebun tanam ' -- ' getah tu di kampung orang Melayu. Dia buat satu pondok, tinggal situ lebih kurang 7 tahun. Lepas tu, dia keluar, dia bawa saya keluar daripada sekolah Cina masuk ke sekolah Melayu. Sebabnya, dia buat kebun tu dekat dengan Sekolah Kebangsaan Bechah Kelubi. Sebabnya dekat dengan pondok.

BA : Dekat kampung sini juga ke?

PC : Jauh, lebih kurang dalam 2km.

NNI : Dimanakah Pak Chu mendapat pendidikan awal?

PC : Di kowah [sekolah] di Kampung Pasir Parit.

NNI : (Perbualan serentak) Kampung Pasir Parit

- NNI : Bilakah Pak Chu tamatkan pengajian?
- PC : Saya tamat pengajian kira saya sampai darjah 6 sahaja.
- NNI : Seterusnya kita ke kerjaya awal. Adakah tuan bekerja setelah tamat persekolahan?
- PC : Saya - daripada tamat sekolah tu, daripada darjah 4 lagi, saya bergiat dalam seni. Saya belajar main wayang kulit, dikir barat, semua kebudayaan, semua saya belajar. Lepas tu, sampai sekarang pon saya bermain wayang kulit, dikir barat, ada main peteri [sic, Puteri].
- BA : Boleh Pak Chu terangkan sikit, peteri [sic, Puteri] tu apa?
- PC : Haa? [Nada bertanya]
- BA : Peteri [sic, Puteri] tu apa?
- PC : Peteri [sic, Puteri]?
- BA : Haa (Mengiyakan). Tadi Pak Chu kata peteri [sic, Puteri] tu.
- PC : Peteri dia Puteri. (perbualan serentak) Puteri tu dia maksudnya dia untuk mengubat orang sakit. Bukannya main bentuk hiburan lah. Dia buat untuk mengubat orang sakit.
- BA : Dia [Puteri] dalam seni, seni ini juga, tapi dia untuk berubat orang. Macamtu?
- PC : Ya, dia maksud .. maksudnya dia macam [gangguan bunyi kereta] ada orang sakit, kita pergi mengubat dia tu, kita main peteri [sic, Puteri] lah. Main peteri [sic, Puteri] tu dia masuk macam main mak yong, dia ada nyanyian, dia ada [membuat pergerakan tangan] macam kita kata cara ubat bagi dia.
- BA : Selalunya pesakit tu daripada orang-orang mana, kaum mana?

- PC : Dia semua kaum. (Perbualan serentak) Tak kira Melayu, Cina, Siam,India, semua saya ubat.
- NNI : Seterusnya, apakah pekerjaan Pak Chu masa kini?
- PC : Masa kini saya masih lagi bergiat dalam seni. Kalau saya masa lapang, saya buat wayang kulit, saya macam *repair* [baiki] dia punya muzik. Kalau kita ada persembahan di minggu depan ke atau di mana-mana tu, mesti kita *check* [memeriksa] tengok barang kita tu, adakah cukup, patung kitatu ada ke rosak. Maka kita *repair* [baiki] lah.
- NNI : Seterusnya, bolehkan tuan cerita sikit tentang asal usul wayang kulit ni?
- PC : Asal usul wayang kulit ni, dia berasal dari India. India dan Indonesia. Sebab tu la di dalam cerita wayang kulit dia kebanyakannya nama-nama dia tu nama Indonesia dan nama India. Kemudian dia dah ke Thailand. Di Thailand dipanggil Wayang Gedek. Wayang Gedek tu bermaksudnya dia wayang Siam lah. Dia bercakap bahasa Siam, dia main patung dia pun dia ubah suai, main *patern* [reka bentuk] tu macam Siam. Selepas tu dia masuk ke Malaysia la, ke Kelantan - masuk Kelantan tu, orang Kelantan ni ubah kan lagi patung dia tu, dia [orang Kelantan] buat seolah-olah macam gambar orang, macam orang biasa. Kemudian dipanggil wayang kulit. Sebabnya dia [wayang kulit] dibuat daripada kulit, kulit tu digunakan kulit lembu ataupun kulit kambing. Kulit, kalau patung yang besar, lebih daripada 1 kaki, dia buat daripada kulit lembu. Kalau kecil [kecil] dari 1 kaki tinggi, dia buat dengan kulit kambing.
- BA : Macam Pak Chu kata tadi, masa wayang kulit mula masuk ke Malaysia,dia mula masuk ke Kelantan dulu ke?
- PC : Masuk ke Kelantan dulu.
- BA : Baru ke negeri lain? (perbualan serentak)
- PC : Dia [wayang kulit] masuk - bila dia [wayang kulit] masuk ke Kelantan, maknanya orang daripada luar negeri, daripada Johor, Negeri Sembilan,Melaka tu dia tengok tu, dia bawa balik ke dia punya patung, dia buat

patung macam tu, dia panggil, kalau kat Johor dia panggil - Wayang Melayu. - - . Wayang Melayu tu dia cakap tu seolah-olah dia cakap Jawa. Sebab di Johor ni dia [orang Johor] Melayu Jawa. Dia [orang Johor] buat patung pun macam kita kata kalau kita [orang Kelantan] sini buat body [badan] besar, dia [orang Johor] buat body [badan] kecil. Kurus-kurus macam tu dipanggil Wayang Jawa. Nama dia [patung Wayang Melayu] –nama dia ubah juga lah. Dia [orang Johor] macam banyakkann Radin, Galur, macam tu, kalau Orang Jawa.

NNI : Boleh Pak Chu cerita sikit, kenapa seni ini dipanggil wayang kulit?

PC : Wayang kulit ni sebabnya dia buat daripada kulit lah. (perbualan serentak). Sebab dia panggil wayang kulit sebab dia daripada kulit. Tapi sekarang ni kebanyakannya orang ubah suai nak ringkaskan buat patung dia dari plastik. Tapi kalau pun dia buat dari plastik tu, panggil wayang kulit juga. Sebab asal nama dia wayang kulit.

NNI : Kiranya plastik tu moden la untuk sekarang ni?

PC : Moden. (perbualan serentak) Macam saya ni, dia kata -- saya pernah buat persembahan satu tempat tu, dia ada dia punya tema dia. Tema diadan cerita dia tu, kita ada maknanya - tiga kategori lah. Tiga tu dia ada pada satu wayang moden, - -, yang satu lagi tu dia panggil wayang ni lah wayang dia panggil wayang hiburan. Yang wayang ni untuk hiburan. Yang satu lagi tu wayang purba. Yang tu dia main cerita sejarah la. (10:26)

NNI : Kalau guna plastik tu dia lagi jimatkan kos ke berbanding dengan kulit?

PC : Haa jimatkan kos lagi cepat sebabnya dia tak payah ukir. Dia pakai diaduna *color* [warna] sahaja.

BA : Lepas tu [selepas itu] kan Pak Chu, saya nak tanya, kan Pak Chu macam kata tadi masa wayang kulit diperkenalkan di Johor [Malaysia], depa [mereka] macam menggunakan lebih gunakan bahasa Jawa, macam tu kan. Tapi masa mula-mula masuk Kelantan, adakah depa [mereka] macam guna macam bahasa-bahasa Siam macam tu [itu] atau memang guna bahasa dialek Kelantan?

- PC : Dia dialek Kelantan. Sebabnya kalau dia mai [datang] satu tempat, dia cuba main wayang biar cakap bahasa baku lah. Sebenarnya kita boleh, kita tak boleh buat. Sebabnya dia tidak sesuai dengan patung dan watak, dia kena bahasa dialek Kelantan.
- NNI : Seterusnya, adakah benar, bahawa wayang kulit ini dikatakan mempunyai unsur ritual yang terdapat dalam sesebuah kawasan?
- PC : Macam mana?
- BA : Dia macam ada kaitan dengan unsur-unsur mistik macam tu? Wayangkulit ni.
- PC : Wayang kulit dia mengikut daripada sejarah dia, wayang kullit ni, sebab masa dulu dia kebanyakannya dia main macam pertandingan. Sebab dia dalam Kelantan ni saja, dahulu dia ada lebih kurang 30 orang tok dalang. Jadi masing-masing nak tunjukkan kehandalan dia. Dia belajar la baca mantera, jampi-jampi untuk menarik penonton ni.
- NNI : Seterusnya, bagaimanakah Pak Chu boleh melibatkan dalam seniwayang kulit ni?
- PC : Sebabnya saya daripada dulu lagi saya memang berminat. Wayang kulit ni sebabnya orang tua saya dia memang menggalakkan. Dia beli alat apa, dia tengok saya ikut tok dalang yang main masa tu lebih kurang 5 tahun. Semua tok dalang saya ikut, ikut, ikut, ikut, ikut. Saya balik main saya buat kajian yang mana banyak dan ramai peminat. Lepas tu kita ambil tok dalang yang tu la. Orang tua saya ni dia memang dia minat, diabeli alat-alat muzik lah. Bila alat-alat cukup dah, satu panggung dia panggil tu dengan alat-alat cukup dengan patung dia, dengan alat-alat muzik dia semua. lepas tu, dia panggil satu guru ni, dia tanya saya yang mana guru yang awak berminat. Masa tu dia panggil Abdullah Baju Merah ni, masa tu die tengah tersohor. Panggil dia la mari ajar saya lebihkurang macam tu.
- NNI : Adakah orang tua Pak Chu terlibat dalam seni wayang kulit ni juga?

PC : Dia tak terlibat. Saya ni tidak keturunan.

NNI : Kiranya Pak Chu lah satu-satunya.

PC : Ya.

BA : Kira macam mak ayah Pak Chu macam minat dengan wayang kulit. Jadimereka nak ajak Pak Chu menarik minat juga la.

PC : Ya. --

NNI : Seterusnya, bilakah Pak Chu mula mengetahui tentang wayang kulit ni?

PC : Dari umur 14 tahun. 14 tahun tu, masa tu lah saya panggil guru mari ajarsaya macam dia panggil.. macam kita mengaji juga. Sebab dia tengok kita bermain, dia uji kita, macam kita buat periksa lah.. dia tengok kiranya lulus atau tidak lulus. Lama-kelamaan lebih kurang dalam 2 tahun. Dia mari ajar saya, dia lulus la. Macam dia ikatiraf saya sebagai anak murid dia.

NNI : Siapakah orang yang mengajar Pak Chu?

PC : Abdullah Baju Merah.

BA : Adakah dia juga merupakan seorang idola kepada Pak Chu?

PC : Ya.

NNI : Adakah sejak itu, Pak Chu mula melibatkan diri dalam seni wayang kulit?

PC : Selepas tu, bila saya boleh main sendiri lah, orang panggil saya, mula- mula panggil saya tu sekitar kampung ni la. Ada buat kenduri kahwin ke, buat hari jadi ke, pada main suka-suka ke, maknanya panggil saya. Masatu lebih kurang bayaran dia RM100 satu malam. Lepas tu, ada satu tempat tu dia panggil saya pergi main, dia nak 1 cerita. "Awak main ... " dia kata "... 1 cerita. Berapa lama pon, awak main la untuk habis 1 cerita."

Saya ingat semasa tu saya main sampai 40 malam. 40 malam tu lebih kurang dalam 80 jam. Maknanya bukan sekali main lah. Maknanya sampai 40 malam 1 cerita.

NNI : 1 malam tu berapa jam?

PC : Satu malam tu 2 jam. 3 jam sekali dengan orang main muzik. Main muzik lebih kurang sejam. Lepastu kita main lebih kurang 2 jam.

NNI : Pak Chu berkecimpung dengan wayang kulit ni atas dasar minat atau faktor lain?

PC : Minat. Sebabnya wayang kulit ni [ini] bukan sekadar hiburan. Wayang kulit ni [ini] dia boleh menyampaikan mesej, boleh mainkan nasihat kepada orang lain. Kita boleh memberi pendapat kepada orang lain. Maknanya kerja di wayang kulit ni bukan dia setakat cerita je.

NNI : Adakah Pak Chu mempunyai ramai kenalan Melayu sehingga Pak Chu melibatkan diri dengan seni wayang kulit ni?

PC : Boleh dikatakan semasa tu, 80% la Melayu. 20% nya hanya Siam dan Cina.

NNI : Kiranya Pak Chu ni satu-satunya orang Cina di Kelantan ni.

PC : Sebabnya semasa saya berminat pada wayang kulit ni, sebabnya orang tua saya dan adik beradik saya maknanya dia beri sokongan pada saya. Dia kata "Kalau nak main wayang kulit awak mainlah wayang kulit sebabnya wayang kulit ni tidak ada lagi orang Cina main wayang kulit. Tak pernah main wayang kulit. Lepas tu kalau awak bermain wayang kulit, kiranya nama awak tu sohor. Maknanya [bunyi enjin kenderaan] satu-satunya saja tok dalang kaum Cina.

NNI : Apakah persepsi orang Melayu terhadap Pak Chu sebagai orang Cina yang terlibat dengan wayang kulit ni?

PC : Maknanya diorang ni maknanya suka lah, dia bangga juga. Dia kata, maknanya wayang kulit ni bukan setakat orang Melayu saja, orang Cina pon ada ikut lagi.

- NNI : Selepas Pak Chu ni ada ke orang cina lain yang terlibat dalam wayang kulit ni?
- PC : Takde lagi. Kalau yang ada ni yang tua-tua dulu-dulu tu memang ada tapi dia tidak sepenuh la. Main untuk suka-suka dirumah je.
- NNI : Seterusnya adakah kerjaya wayang kulit ni sebagai kerjaya utama atau sambilan sahaja?
- PC : Saya ni sebagai tok dalang ni sebagai kerjaya saya yang utama lah. Sebabnya saya bukan sahaja main di Malaysia. Saya pernah pergi sampai ke luar negara. Selepas tu dia bila orang kat sana pon dia tengok juga bagaimanakah orang Cina boleh main wayang kulit. Sebab tu la saya bermain banyak jugalah negara-negara yang saya pernah pergi.
- NNI : Negara-negara yang Pak Chu pernah pergi tu antaranya?
- PC : Antaranya saya main kat Thailand, saya ke Indonesia, *Singapore* [Singapura], Taiwan, England dan juga pergi ke Perancis.
- BA : Macam masa Pak Chu pi buat persembahan dekat luar negara tu, adakah Pak Chu gunakan dialek Kelantan?
- PC : Dialek Kelantan juga.
- BA : Penonton yang menonton tu (perbualan serentak) macam mana nak faham?
- PC : Sebabnya bila di luar negara, dia tidak tahu. Dia tidak tahu pada segi kita. Cuma die nk tengok dari segi patung je. Dia amik gambar dari segi patung. Lepas tu, kalau kita main tu pulak, dia tubik [tayang] pada skrin. Kalau kita main kat Perancis kan, dia tulis bahasa Perancis, kalau kita main kat Thailand, dia tulis bahasa Thailand. Maknanya bila kita cakap sini, dia tubik [tayang] kat skrin. Orang faham la.
- NNI : Ada beza tak macam wayang kulit Perancis dengan wayang kulit Kelantan?

- PC : Kat sana tak de [tidak ada] wayang.
- NNI : Kiranya Pak Chu pergi sana untuk buat persembahan je[sahaja] lah?
- PC : Untuk persembahan lepas tu [itu] dia nak tengok dia punya patung-patung. Selepas tu dia tanya kita bagaimanakah asal usul wayang kulit, bagaimakah nak buat, macam mana warnakan. Kita kena bawa la alat- alat kita buat wayang kulit tu. [sambil menunjukkan gaya] Amik [ambil] ni [ini] satu kulit lembu lepas tu [itu] kita lukis-lukis ha macam tu [itu] lah.
- BA : Maksudnya Pak Chu pi ke luar negara tu bukan saja untuk membuat persembahan tetapi untuk menerangkan tentang seni wayang kulit ni.?
- PC : Ya
- NNI : Adakah Pak Chu mempunyai kumpulan wayang kulit yang tersendiri?
- PC : Kumpulan saya, saya tubuhkan pada tahun 1983. Saya namakan Kumpulan Sri Campuran. Sebabnya Kumpulan Sri Campuran tu, kalau orang tanya “Kenapa pilih Kumpulan Sri Campuran?”. Semasa tu saya ada banyak kaum, banyak agama. Ada Melayu, ada Cina, ada Siam, ada Iban. Sebab tu saya namakan Kumpulan Sri Campuran.
- NNI : Berapakan bilangan ahli dalam kumpulan tersebut?
- PC : Ahli ada 8 orang.
- NNI : Apakah watak pertama wayang kulit yang diperankan oleh Pak Chu?
- PC : Watak-watak yang kita nak main tu?
- NNI : Haah, ya.
- PC : Watak dia ada lebih kurang dalam 150 watak tapi kita kena pilih yang mana untuk kita nak buat persembahan. Macam kata panggil kita main. Kita tanya berapa hari. Contoh 3 hari, kita pilih la watak-watak yang mana

kita nak guna yang dalam satu cerita. Berapa, kita bawa yang itu saja. Kalau kita ikut kita bawa memang banyak.

NNI : Berapakah umur Pak Chu masa Pak Chu memerankan watak utama wayang kulit?

PC : Lebih kurang 16 tahun.

NNI : Kiranya 2 tahun je [sahaja] lah waktu Pak Chu belajar tu?

PC : Ya.

NNI : Sekiranya Pak Chu tidak keberatan, berapakah anggaran pendapatan yang diterima oleh Pak Chu?

PC : Anggaran yang diterimanya mengikut daripada tempat. Kalau tempat jauh dan dekat. Kalau kita main kat Kelantan kita amik dalam RM600 satupersembahan, satu malam lah dalam 2 jam tu, RM600. Kalau belah luar, macam selain daripada Kelantan. Macam Terengganu, Pahang, kita amik [ambil] dalam RM1000. Kalau kita main lagi jauh macam Penang atau Kuala Lumpur tu, kita amik [ambil] RM2000.

NNI : Apakah watak wayang kulit yang paling disukai oleh Pak Chu?

PC : Watak ni kita kira .. Dia watak ni lah, macam kita kata watak hulu balang atau pun pengasuh, Seri Rama. Sebab dia pengasuh raja ni dia ada 5 pengasuh. Pak Dogol, Wak Long, Wak Yah, Selamat dengan Said. Yang 5 orang ni la bawa peranan utama untuk menghiburkan hati penonton. Dia ada lucu, lawak jenaka, bila dia cakap macam-macam. Dia ada nyanyi lah, macam-macam dia buat. Kalau boleh tengok wayang kulit, memang orang berminat pada 5 ni.

BA : 5 watak tu, memang Pak Chu akan macam buat persembahan tumemang 5 watak tu mesti ada dalam certia tu ka?

PC : Mesti ada. Semua cerita dia kena ada 5 tu. Macam yang lain tu diapanggil Seri Rama, Laksamana, Hanuman, Citra Dewi, yang tu

sebenarnya dia mesti ada. Apa cerita pon mesti ada. Kalau takda pun masa kita main wayang moden. Kita tak guna lah.

NNI : Selain daripada 5 watak tu ada tak watak-watak sampingan yang lain?

PC : Banyak. Bila dia buat satu2 cerita ni dia kata, macam Seri Rama tu watak yang penting, dia ada lah berkait dengan dia pergi meminang anak dia, orang tak terima pinangan dia, lalu jadi pergaduhan, berlaku peperangan, melibatkan jin, raja, macam-macam la. Tu sebab pakai banyak watak.

NNI : Mengapakah patung watak wayang kulit mempunyai saiz yang berbeza-beza?

PC : Saiz tu dia berbeza, kita tengok pada, kalau dia ada 2 watak. 1 dipanggil watak jahat, 1 watak baik. Kalau watak jahat ni kita kena buat patung dia biar lebih besar sikit. Yang watak baik ni dia kecil [kecil] sikit.

NNI : Mengapakah ada patung yang mempunyai kedudukan kepala yang berbeza-beza?

PC : Kepala tu la macam kita kata, kalau macam raja ... dia raja tu, dia ada pakai dia punya jambol apa tu. Kalau hulubalang dia selalu bawa senjata. Dia buat macam muka dia, seolah-olah jin macam tu la.

NNI : Bagaimanakan Pak Chu mengubah suai patung jika cerita yang dipersembahkan itu adalah cerita moden?

PC : Kita ubah suai kalau cerita moden, dia [pelanggan] kata "Saya nak tema ni untuk menasihatkan kepada belia kita ni anak-anak muda kita ni menjauhi daripada dadah dan jangan mat rempit apa tu". Maknanya kalau buat cerita, kita [tok dalang] kena buat patung lain-lain dengan plastik. Kita buat motosikal, kita buat macam-macam. Tengok dalam keadaan macam mana dia [tok dalang] nak main cerita dia.

NNI : Adakah Pak Chu mengalami kesukaran sewaktu pertama kali membuat persembahan wayang kulit?

PC : Kesukarannya, dia [pelanggan] bagi masa singkat. Dia [pelanggan] nak cerita ni, macam ni, tak mau guna yang patung lama. Itu menjadikan kita

sibuk la, kelam kabut nak buat benda ni. Sebab bahan-bahan dia takde[tiada] lagi. Kena cari bahan-bahan dia. Itulah yang kerja ada kecemasan.

BA : Maksudnya orang yang minta Pak Chu buat persembahan tu, depa boleh *request* [membuat permintaan] untuk buat patung baru?

PC : Macam sekarang ni, baru ni saya pergi main kat Penang, dia [pelanggan] nak cerita dia mengenai dengan patung Buddha. Patung Buddha tu kita kena buat lah. Selepas ni pulak saya, pada hari raya [sic, Tahun Baru Cina] ni saya akan main kat Kuala Lumpur, kat Shah Alam. Dia nak berkenaan cerita hari raya. Dia tak mau gambar yang, patung-patung kita main ni. Dia nak gambar raksasa, lepastu orang kampung, dia ada dengan rumah orang Cina yang berhias-hias. Maknanya semua kita kenabuat la. Sekarang ni saya tengah sibuk buat benda ni.

NNI : Berapa lama nak siapkan 1 patung?

PC : Kalau plastik 1 hari je.

NNI : Kalau guna kulit?

PC : Kalau guna kulit seminggu jugak.

NNI : Bahan utama untuk buat patung wayang kulit tu?

PC : Tengoklah kalau kita buat guna plastik ke campur dengan kulit ka. Bahankulit ni --- Tapi sekarang ni saya tak buat la. Sebabnya mata kita [Pak Chu] --- Ukir dia halus. Kita tak boleh nak ukir la. Maknanya kita tempah daripada kawan-kawan.

NNi : Adakah wayang kulit setiap negeri itu berbeza-beza?

PC : Dia berbeza atas tok dalang. Tok dalang dia minat. Macam contoh, kita kata Seri Rama. Dia nak buat gambar Seri Rama. Memang macam Seri Rama tu, Seri Rama tu memang sama je. Tapi dia buat macam banyak *makeup* [ubah suai] sikit. _ _ _ _ Dia buat macam tu la. Kalau Seri Rama, orang tengok Seri Rama, di mana-mana sekali pun orang akan

kata Seri Rama. Dia dua beradik dengan dipanggil Laksamana. Tengok la wayang kulit mana-mana skali pun Seri Rama dia berwarna hijau. Laksamana warna merah. Sebab tu dia ada perbezaan dia. Orang tengok watak, ni Seri Rama, ni Laksamana.

NNI : Seri Rama tu berasal daripada Kelantan ke?

PC : Bukan, dia [Seri Rama] daripada Jawa. Macam itu la, bukan Jawa juga, dia gabung dengan India.

NNI : Apakah alat muzik yang digunakan dalam seni wayang kulit ini?

PC : Dalam seni wayang kulit ni dia ada dipanggil satu pasang. Kalau mana- mana dia ada 2 la. Kalau serunai dia ada serunai kecil serunai besar. Lepas tu gedombak, gedombak ibu, gedombak anak. Geduk ibu, geduk anak, gendang ibu, gendang anak, gong ibu, gong anak. Canang pon macam tu juga. Dengan kesi dia pon macam tu juga. Dia sepasang- sepasang. Sebab masa dulu wayang kulit ni pemain dia, pemuzik dia lebih kurang 11 [orang]. Sebabnya, dia canang, untuk awak canang. Dia _ [alat muzik untuk wayang kulit], dua serunai, orang ni gendang. Gedombak yang sepasang-sepasang dia bahagi dua. Maknanya satu orang satu satu barang. Dua tu satu pasang dia guna dua orang. Sebab tu la masa dulu dia melibatkan ramai pemain.

NNI : Kalau macam Pak Chu kan, kumpulan Pak Chu 8 orang sahaja, cukupkah nak mainkan 11 alat muzik tu?

PC : Sebab tu kita guna sepasang gedombak tu untuk sorang main. Dia bolehmain 2. Yang geduk ni patutnya dua, dia sorang saja yang main. Dia boleh tukar. Macam juga dengan gendang ni, kos kita tu tak ramai.

NNI : Bagaimanakah Pak Chu memilih muzik latar yang sesuai untuk setiap persembahan tu?

BA : Maksudnya, setiap persembahan menggunakan muzik latar yang samaje ke?

PC : Tidak. Dia mengikut permainan dia atau mengikut tok dalang. Kalau tok dalang kata, “_ _ _ akan jalan menghadap paduka ayahanda”. Yang tu

kena bawa lagu hulubalang dia panggil. Hulu balang ni dia melibatkan semua pemuzik main, tapi lagu hulu balang. Macam kita [tok dalang] kata “Pengasuh-pengasuh akan mengadap raja.” Berjalan pula dengan sinar. Kalau kita [tok dalang] cakap, “Pengasuh selesai berjalan mengadap Seri Rama”, raja dia berlari-lari sinar. Sinar dia main muzik lagu *Sinar*. Begitu juga dengan Seri Rama. Bila Seri Rama nak keluar, dia ada nyanyian dia. Lepas tu dia main gendang sahaja. Macam anak dia nak pergi mengadap ayahanda dia. Dia [tok dalang] kata berjalan dengan halus manis. Maknanya *slow* [perlahan] la. Dia ada lagu dia dipanggil lagu *Pelari Muda*. Dalam permainan wayang kulit dia ada 12 lagu. Maknanya orang main muzik ni kene tahu 12 lagu ni. Bila tok dalang ucap lagu apa. Memang dia boleh main.

NNI : Kira 12 lagu tu lagu basic [asas] yang patut semua tok dalang tahu?

PC : Ya.

NNI : Adakah sukar untuk mengawal nada-nada di dalam setiap persembahantu?

PC : Memang susah lah. Sebabnya dia banyak menggunakan alat muzik dia. Kadang-kadang dia punya gong tak bunyi. Selepas main kita kena balik tukar yang lain. Kadang-kadang dia punya gedombak atau geduk dia kulit dia ada pecah. Jadi bunyi dia dah lain. Maknanya kita kena tukar yang lain. Sebab tu kita guna benda ni kita ada yang rizab punya. Kalau yang ni pecah, kita boleh ambil yang lain. Sebab tu kita guna 2 pasang.

BA : Semasa bermain alat muzik tu, adakah tok dalang yang akan mengarahkan pemain-pemain muzik untuk bermain muzik atau mereka sendiri dah tau masa bila nak bermain muzik tu?

PC : Tak. Dia kena ada arahan dari tok dalang. Sebab dia yang bermain muzikni tidak tau tok dalang ni nak main lagu apa. Lagu Seri Rama nk keluar ke. Kalau kata Seri Rama nak keluar sekali pun, dia tak tau. Sebab Seri Rama ni berjalan dia banyak lagu. Dia ada lagu keluar dengan lagu nyanyi, atau lagu lari atau keluar dengan mengejut. Yang kedua pula dianak tau masa dia nak berhenti. Sebab tu pemain muzik ni kena peka.
Telinga dia kena dengar, mata kena tengok.

- NNI : Bagaimanakah cerita-cerita petunjukkan wayang kulit ni dihasilkan?
- PC : Cerita ni dia ada jalan sejarah dia. Macam dia ada buku dia. Kita tengok-tengok wayang kulit tu, habis satu cerita kita balik, kita tulis, kita simpan. Kita tengok yang lain pula main, balik kita tulis, kemudian kita simpan. Lepas tu kalau kita pergi main satu tempat, kalau panggil, dia [pelanggan]kata, "Malam ni saya nak cerita Hanuman Tenggiling." contohnya. Sebabnya kita tengok la kita tulis tu macam mana. Perjalanan cerita dia macam mana. Sebab jalan cerita dia banyak. Mengikut guru saya dulu lebih kurang 20 _gak la cerita dia.
- NNI : Berapa lama nak menghasilkan satu cerita tu.
- PC : Dia tengok keadaan la. Cerita tu ada yang panjang, ada yang pendek. Sekarang ni kebanyakan kita ubah suai cerita. Yang pendek dipanjangkan. Yang panjang dipendekkan. Dia atas tok dalang. Dia bolehbuat.
- BA : Contoh kalau orang *request* [membuat permintaan] Pak Chu buat persembahan, tapi diorang [mereka] nak cerita baru. Maknanya tok dalang sendiri la yang kena buat jalan cerita tu?
- PC : Ha [Ya]. Kita tulis cerita ni. Ada kita kata baru ni saya pergi main di Putrajaya [Malaysia], hari polis bersara. Tapi dia kena buat dialog dan cerita tu. Dia start [bermula] dari dia sekolah rendah, sekolah menengah, masuk universiti, kerja polis sampai dia buat jasa dengan kerajaan sampai dia pencen. Itu makan masa lebih kurang 3 jam untuk buat cerita tu. Tapi gambar macam yang saya kata tadi la, gambar tu kita kena buatla. Ni gambar polis, masa dia kecil, pergi sekolah, pastu dia besar, pastu dia kahwin, dapat anak, dia kerja, dia buat jasa, berapa anugerah dia sudah dapat sampai dia pencen.
- NNI : Seterusnya berapa lamakah masa yang diambil untuk menghabiskan satu cerita?
- PC : Satu cerita tu paling kurang pon 2 malam atau 4 jam.

- BA : Lepastu macam Pak Chu kata tadi, orang *request* [membuat permintaan] untuk buat cerita baru, jadi Pak Chu dengan ahli kumpulan Pak Chu ambil tempoh berapa lama berlatih untuk buat persembahan tu?
- PC : Macam buat tahun baru ni kan, kena buat banyak kali. Saya sudah 4,5 kali dah buat. Selepas tu kita sampai sana, dia 2 hari untuk kita buat *rehearsal* [raptai]. Dia tengok lagu dia, yang benda ni yang dikehendaki. Kena buat *rehearsal* [raptai] lagi. Cuma bahagian yang kita buat tu cuma 6 minit sahaja.
- NNI : Persembahan 6 minit sahaja.
- PC : Masa tu training dengan buat rehearsal. Yang tu yang makan masa.
- BA : Macam Pak Chu kata tadi untuk buat persembahan untuk tahun baru nikan [ini kan]. Persembahan tu berdasarkan sejarah orang Buddha ni la?
- PC : Tidak. Dia daripada dulu. Dia ambil sejarah daripada dulu. Jalan cerita dia tu. Dia dulu ada satu raksasa. Raksasa tu dia panggil *Nin* [sic, Nian]. Kalau kita Bahasa Melayu, maksudnya *Tahun*. Raksasa tahun. Setahun sekali dia akan keluar makan manusia. Lepas tu dia jumpa satu orang tua tu. Habis dah semua dia makan, dia jumpa satu orang tua, orang perempuan. Dia lari dia kejar, jumpa pula dengan satu orang tua, orang tua tu bagitahu pada raksasa, "Mulai hari ni awak tak boleh lagi makan manusia, ataupun makanan mentah. Kalau nak makan, makan makan yang masak yang boleh rasa pedas, masin, manis." Sebab dia buat perjanjian. Sebab tu kita [orang Cina] dalam perayaan kita [orang Cina] nak hari raya tu kita [orang Cina] kena hias benda-benda ni. Saya dulu tidak tahu benda ni. Orang tua saya dulu bila nak raya dia hias gantung tanglung, pasang mercun, dia ada buat sembahyang masa nak Maghrib. Saya tidak tau. Sekarang ni baru saya tau benda ni untuk menjamu padaraksasa ni. Sampai sekarang tiap-tiap buah rumah dia ada buat jamu macam tu. Sembahyang dia.
- BA : Macam raya Tahun Baru Cina, kan diorang ada pasang mercun. Itu untuk apa ye?

PC : Untuk menakutkan yang raksasa ni. Bila bunyi mercun tu, dia lari. Lepastu satu lagi dirumah tu, dia pasang kalau rumah orang Melayu dia pasang ayat Quran [al-Quran] kan. Tapi orang Cina ni dia pasang tu dia ada situmacam --- macam dia ada ayat juga lah. Maknanya tidak boleh masuk kalau iblis, syaitan apa tak boleh masuk. Dia ada ayat-ayat dia. Tu yang saya tengok bila orang nak raya, selalu dia panggil orang mai tulis di dinding, di pintu ayat-ayat dia.

BA : Dia tidak boleh sembarangan orang ye yang nak tulis tu?

PC : Ya. Kalau di Kelantan [Malaysia] ni ada 2 orang je yang boleh tulis ayattu.

BA : Kembali tentang wayang kulit, adakah setiap persembahan ini mempunyai tok dalang sahaja?

PC : Tak. Dia ada 2. Macam saya main dulu, masa mula-mula saya nak main tok dalang ni, dia main tok dalang muda. Tok dalang muda tu peranan dia, dia tidak ada cerita. 10 minit tu nak main tu. Dia masuk tok dalang muda. Bila selepas tok dalang muda ni, lebih kurang dalam setengah jam, 40 minit macam tu, dia akan masuk tok dalang tua. Tok dalang tua ni peranan dia bawa cerita lah. Kisah mana lagu mana. Maknanya tok dalang tua.

BA : Kiranya tok dalang muda hanya untuk permulaan cerita sahaja?

PC : Ya.

BA : Semasa permulaan cerita, adakah watak-watak wayang kulit akan diperkenalkan kepada penonton terlebih dahulu atau terus buat persembahan?

PC : Terus buat persembahan.

BA : Tak kenalkan dulu kat penonton?

PC : Tak. Dia tak kata diperkenalkan ini Seri Rama. Ini Hanuman. Tak payah.

- BA : Seterusnya adakah setiap persembahan wayang kulit ini mempunyai keistimewaan dia tersendiri?
- PC : Ya.
- BA : Boleh Pak Chu ceritakan sedikit macam contoh apa keistimewaan wayang kulit ni?
- PC : Keistimewaannya dari segi cerita dia la. Lepas tu pulak dengan kedudukan dia. Kedudukan kita tidak boleh macam kita ini watak jahat, ini watak baik. [sambil menggerakkan tangan]. Watak baik ni dia sebelah kanan. Watak jahat dia sebelah kiri. Kita tak boleh tukar tempat duduk. Watak baik ni kita duduk sebelah kiri. Kalau orang tengok, orang tau yangtok dalang ni tak tau. Dia ada pantang larang dia atau undang-undang dia.
- BA : Boleh Pak Chu ceritakan sikit pantang larang selain dari yang Pak Chu ceritakan tadi.
- PC : Dia satu, dia tak boleh --- Kita kena --- bukan kata kita puja. Tapi kita kena tahu kedudukan dia. Di manakah dia sepatutnya. Lepastu kalau kitanak buat cerita, contohnya cerita Seri Petala ke apa ke dia kena pilih patung mana kita nak guna. Kita kena asing-asingkan. Barulah cepat kita. Kalau tidak, kita nak buat satu tu, dia kata, "Seri Petala Paka Rema Indera akan keluar", maknanya benda tu kita kena cari lagi. Cerita dia jadi makan masa. Penonton pun tengok maknanya di layar tu kosong. Kita kena siapkan, kita kata nak keluarkan Seri Perdana, dia punya keluar. Sebabnya benda tu kita sudah simpan.
- BA : Berkaitan dengan layar persembahan tu kan, adakah layar tu saiz sama saja?
- PC : Tak. Dia tengok keadaan tempat. Sebab layar ni kita kena buat daripada 2 meter, 3 meter, 4 meter. 4 meter tu kira besar la tu. Kalau main pentas-pentas luas tu kita kena pasang yang besar la. Kalau dia [pelanggan] nak panggil kita tanya. Kalau dia buat jenis pentas ke, panggung ke. Kita kenatannya dia la berapa luas. Kalau di kata dalam 12 kaki. Jadi kita bawak [bawa] yang ni.

- NNI : Saiz patung tu [itu] bergantung kepada saiz layar tu juga ke?
- PC : Ya
- BA : Contoh persembahan tu [itu] buat atas panggung yang besar kan. Adakah tok dalang seorang je yang kawal watak-watak wayang kulit tu atas panggung yang besar tu?
- PC : Ya. Dia atas pentas yang besar tu, kita main lebih kurang dalam 5 kaki sampai kita boleh pegang.
- BA : Persembahan tu, tok dalang buat sambil duduk je kan? Kiranya Cuma boleh gerak tangan sahaja la?
- PC : Ya.
- BA : Adakah penggunaan bahasa dalam pertunjukan wayang kulit bergantung kepada siapa penonton wayang kulit tersebut?
- PC : Ya. Sebabnya kalau kita tengok balik kan --- Kita kata kita main di kampung orang Siam, maknanya dalam permainan [persembahan wayang kulit] tu kita banyak guna bahasa Siam. Maknanya kita kata bahasa Melayu. Lepas tu kita ulang sekali lagi bahasa Siam. Sebab diorang paham. Kalau kita main tempat orang Cina. Orang Cina macam Cina luar macam Penang ke, maknanya kita banyakkkan bahasa Mandarin, bahasa Cina. Kurang-kurangnya dia tahu. Dia faham.
- BA : Jadi, ini kelebihan Pak Chu la sebagai tok dalang orang Cina.
- PC : Susah juga kita belajar dia tu. Kalau dia sebut benda tu, yang penting kita nak sebut masa main. Kita kata la kita main kat Sarawak [Malaysia], kita kena belajar dulu. Apa cakap macam ni nak minum, nak makan, nak tidur, nak pergi, nak sedih. Kita kena tanya, kita kena tulis. Sebab kita kena ada benda tu, baru diorang [penonton] ni faham.
- NNI : Macam Pak Chu kata tadi, Pak Chu guna bahasa Siam. Jadi maknanya kita kena belajar juga la bahasa yang akan dipersembahkan tu?

- PC : Tidak. Yang macam saya ni. Siam ke, Cina ke, Melayu ke, kita biasa dah. Contoh kita main kat tempat orang ramai orang Iban, Sarawak ramai kan, mesti dia kalau kita cakap bahasa Kelantan ni, memang dia tak faham. Jadi kita campur sikit-sikit.
- BA : Masa buat persembahan tu, Pak Chu sendiri, ada sediakan dialog , atau dialog tu spontan je?
- PC : Spontan je.
- BA : Seterusnya, adakah Pak Chu sendiri yang menghasilkan patung wayang kulit ni sendiri atau di bantu oleh sesiapa?
- PC : Saya sendiri. Saya dulu buat patung wayang kulit, saya buat muzik. Ni lama dah, dalam 3 tahun dah saya berhenti. Buat muzik ke, alat-alat muzik ke, patung ke, semua saya tempah kat kawan.
- BA : Boleh Pak Chu ceritakan sedikit, proses pembuatan patung wayang kulitni?
- PC : Patung wayang kulit ni kita tengok berdasarkan pada gambar dia la. Patung Seri Rama ke Hanuman ke, kita amik mari kita orang panggil tekup [tekap]. Macam kita panggil fotostat la. Fotostat kita nak seberapa besar. Kita amik daripada gambar tu kita taruk [letak] atas kulit yang sudah diproses, yang sudah kering. Kita amik kulit yang basah, kita jemur bagi kering dalam 2,3 minggu. Kita ambil gambar tadi, kita tampal atas tu, kita mengikut patern dia la. Kita pakai dia punya pahat. Benda ni kita buat tak boleh gaduh [tergesa-gesa]. Kalau kita gaduh [tergesa-gesa], benda tu jadi tak cantik. Bila buat tu, kita rehat dulu. Pergi keluar, pergi berjalan-jalan. Balik kita buat lagi. Sebab tu bila buat jadi makan masa 2minggu. Kalau kita nk siapkan dalam masa 1 hari pon boleh siap. Tapi tak cantik. Tapi kalau bunga yang kecil ni kita buat dia besar, kasi [bagi]cepat siap.
- BA : Pak Chu kata tadi watak-watak wayang kulit ni ada warna-warna yang berbeza. Macam mana nak proses bahagian-bahagian yang berwarna tu?

- PC : Bahagian warna tu sebabnya kita tahu kalau dia watak sebelah jin. Sebelah watak jahat, kita banyakan warna merah. Bagi nampak garang. Merah dan kuning. Kalau sebelah watak baik, kita buat banyak warna biru, putih dan juga hijau.
- BA : Warna tu pakai pewarna apa?
- PC : Dulu kita guna cat kayu. Yang cat kayu cat besi ni. Sekarang ni kita tak guna. Sekarang ni kita guna *marker*. Dia *marker ink*. Dia banyak warna *marker ink*. Kita guna dia sebab warna dia tu cerah. Lepas tu kita sembur dia punya *clear* [pemati cat]. Bagi dia tahan. Kalau kena air sikit, dia tak masuk tak meresap ke kulit.
- BA : Macam persembahan wayang kulit kan, tok dalang akan buat persembahan di sebalik layar kan. Macam mana penonton boleh nampak warna-warna tu?
- PC : Dia nampak sebab kita gunakan lampu. Macam ada lampu ni disini [sambil menunjukkan contoh] dia skrin dia, ini dia punya patung. Itu dia skrin putih tu, lepas tu sini lampu ni, *spot light*. Kalau macam ni, [sambil menunjukkan contoh] keluar cahaya kat sana. Jadi dia nampak kat layar tu, keluar semua warna hijau, putih, merah.
- BA : Macam mana cara Pak Chu memberi nama kepada setiap watak-watak tu [itu]?
- PC : Macam kata Seri Rama, Laksamana, Hanuman, Seri Petala Dewi, _ _ , Pak Dogol, Wak Long, Wak Yah, yang itu memang takde lagu dia. Yanglain, macam jin kita kata dia patung ni, satu patung ni dia macam pelakonla. Macam pelakon ni dia dalam cerita tu nama Jusoh. Masuk dalam cerita ni dia nama Ali. Wayang kulit dia macam tu juga. Dia watak sebelah jahat. Watak sebelah baik tak boleh tukar dah watak dia. Nama tak boleh tukar dah. Nama dia dah ditetapkan.
- BA : Contoh macam ada orang yang *request* [membuat permintaan] buat cerita baru. Pak Chu tak tau watak dia macam mana, rupa dia macam mana. Macam mana Pak Chu tentukan nak untuk buat patung dia tu?

- PC : Macam kata --- Ddia ada cerita dia, kalau kata cerita ni berkenaan ugama [agama] Buddha. Kita kena la tengok macam mana ugama Buddha ni, apakah dia. Sembahyang. Dengan siapa dia selalu bercakap, dengan siapa dia nak bergaduh tu, maknanya atas penganjur. Penganjur beritahu kita, lepastu dia [tok dalang] buat patung tu. Dia [tok dalang] buat patung tu, dia [penganjur] tengok dulu patung kita [tok dalang] lukis kat atas kertas ni. [dialog penganjur kepada tok dalang] "Ha macam ni boleh? Yang ini tak sesuai, dia kena tua sikit." Kita [tok dalang] buat la tua sikit. Dia ada misai dia ada janggut. Kita susah juga kita nak buat diapunya patung sebab jalan cerita dia ada tema dia.
- BA : Seterusnya, bagaimana penonton boleh membezakan setiap watak yang terdapat dalam persembahan wayang kulit? Macam Pak Chu cakap tadi, cerita yang biasa orang dah tengok depa bolehla nak membezakan watak tu. Tapi macam mana kalau watak tu cerita baru. Cerita baru yang Pak Chu baru nak persembahkan. Kira orang baru nak kenal watak- watak tu. Macam mana diorang boleh nak bezakan watak-watak tu?
- PC : Cerita tu macam dia ada cerita moden, cerita lama. Kalau cerita moden ni kita pergunakan dia seolah-olah patung dia tu manusia macam sekarang. Boleh tengok perbezaanny. Macam kita kata yang ni sebagai cikgu ke, dia ada ustaz dia. Maknanya kita buat la. Kalau kita kata, contohnya ni dia punya ustaz, dia kena pakai yang dia tu biar sesuai dengan ustaz. Dia pakai kopiah, songkok. Macam kita dengan patung tudia bagi salam. Kalau macam Siam, dia macam tu juga. Kalau dia jumpa apa dia nak cakap. "Sawadikap". Baru dia bercakap.

- BA : Lagi satu contoh macam dalam satu cerita tu [itu] ada watak jahat yang macam perwatakkannya dia boleh berubah ke kebaikkannya. Macam mana warna tu nak berubah ye?
- PC : Cerita ni [ini] kita tengok kesesuaian dengan patung dia. Kalau kita tengok dia dari baik jadi jahat atau dari jahat nak ke baik. Patung dia kena ada dua. Dua Patung sama, dari segi pakaian dan warna dia lain-lain.
- BA : Apakah reaksi ahli keluarga Pak Chu masa mula-mula pak chu nak terlibat dalam wayang kulit ni [ini]?
- PC : Ahli keluarga saya ni [ini] memang memberi sokongan lah. Kadang- kadang kita kata, benda ni tak ada. Contohnya kita kata macam apa ni *PA system* [sistem pembantu] ka. Apa -apa kegunaan kita ni [ini] maknanya kita kena bagitahu dia, adik beradik ka. Maknanya dia keluar modal. "Dia *share* [kongsi] dia tanya berapa harga - lebih kurang dua ribu . Dia akan *share-share* [kongsi-kongsi] dia bagi ".
- BA : Kiranya penglibatan Pak Chu dalam wayang kulit ni [ini] bukan setakat dapat sokongan ibubapa, tetapi adik beradik yang lain.
- PC : Ya. Sebab sekarang ni [ini] macam kita kata – kita mengerjakan satu benda ni – kita kena melalui kerajaan, baru kerajaan bagi. Dulu dia [wayang kulit] tak [tidak] ada sokongan kerajaan. Wayang kulit dulu. Sokongan adik beradik dan juga ahli keluarga.
- BA : Sokongan kerajaan tu [itu] dari segi macam mana? Kewangan?
- PC : Kewangan. "Macam kita kata - macam saya kata saya nak buat satu pentas, satu dewan". "Kita buat surat bagi kerajaan berapa kos perbelanjaan – seratus lapan ribu." Kerajaan lulus, kita boleh buat lah.
- BA : Contoh macam persembahan Pak Chu buat luar pada negeri Kelantan kan, adakah pengangkutan disediakan atau guna pengangkutan sendiri?

- PC : Kadang-kadang kita guna sendiri. Sampai sana dia bayar. Atau kita kata kita tak [tidak] ada pengangkutan lepas tu [itu] - susah. Dia mari [datang]ambil.
- BA : Adakah terdapat dari keluarga pak chu yang ingin meneruskan legasi Pak Chu sebagai Tok Dalang? Ada tak [tidak] ahli keluarga yangberminat?
- PC : Saya sekarang ni [ini], saya - banyak dah [sudah] saya ajar, sebabnya nak menjadikan seorang tok dalang ni [ini] susah. Susah dari segi suara,segi ingatan dan segi cerita. Banyak yang saya ajar tu [itu], kalau dia kira tak [tidak] lulus. Ni [ini] ada pula satu cucu saya tu [itu]. sebabnya dia duduk sekali. Kalau kita main - maknanya dia boleh tau [tahu]. Dia boleh ikut. Kalau kita buat sampai Kuala Lumpur mana. Kita bawa dia. Sebabnya dia boleh tau [tahu] macam ni [ini] lah main wayang kulit. Diabelajar. Dia balik dia mari [datang], saya ingat dia macam saya dulu. Balik cari kertas, lukis. Dia tanya kita lah. Macam mana, boleh? Tak boleh macam ni [ini]. Dia buat lagi. Sekarang ni [ini] dia main, kiranya kita ajar dia main saja. Main untuk kenalkan patung saja. Patung ni watak baik, patung ni watak jahat. Yang ni [ini] nama ni [ini], yang ni [ini]nama ni [ini]. Sebabnya dia nak keluar suara dia malu lagi. Satu lagi, dia - -dia budak umur sebelas tahun lagi. Suara dia suara kanak-kanak lagi.Dia tak [tidak] boleh nak buat suara perempuan ke, suara orang tua ke, suara jin ke. Dia takleh [tidak boleh] buat lagi. Mungkin dalam tingkatan satu, baru kita boleh ajar dia.
- NNI : Siapakah nama cucu pak chu yang berminat tu [itu]?
- PC : Cucu saya - Adam Eyo -- Adam Eyo. Sebabnya dia ada Eyo ni [ini] sebabnya dia – bapaknya taknak saya – dia memeluk ugama [agama] islam. Sebaptu Eyo dia tak [tidak] tinggal. Adam Eyo – yang perempuan tu [itu] Nuraini Nor Eyo. Dia berapa keturunan tak [tidak] tahu dia
- NNI : Dia ada potensi tak [tidak] nak jadi Tok Dalang.

- PC : Ada. Sekarang ni [ini] dia malu lagi. Contoh saya buat layar, dia tengok barang-barang dia. Dia main lah. Kalau dia nampak ada yang masuk gi [pergi] tengok. Dia benti [berhenti]. Dia malu. Jadi saya bagi tau dia, Kalau kita nak jadi Tok Dalang, kita tak [tidak] boleh malu.
- BA : Macam pak chu kata tadi, cucu pak chu tu [itu] macam berminat dengan wayang kulit ni [ini]. Contoh kalau pak chu buat persembahan. Dia boleh membezakan watak-watak tu [itu]?
- PC : Boleh. Sebabnya kalau kita main, dia selalu duduk sebelah kita la. Kalau kita sri rama nak keluar. Dia sudh tau [tahu]. Dia ambil bagi saya.
- BA : Dia membantu la.
- PC : Ya.
- BA : Bila Pak Chu *start* [mula] menyedari yang cucu pak chu ni [ini] berminat dengan wayang kulit?
- PC : Sebabnya ada satu hari tu [itu], dia main kat [dekat] sini lah sebab ada pelajar mari dari luar negeri dia mari suh [suruh] buat persembahan lah. Saya cari - cari patung saya takde [tak ada] dua. Saya tanya mak dia. Mak dia kata ada kat rumah. Dia buat main. Dia curi patung, dia buat main. Tu yang saya kata kat dia. Saya buat lain bagi awak. Saya buat -
- buat, lama-lama dia kata biar dia buat sendiri. Saya rasa lebih kurang -- banyak dah dia simpan di rumah-- beratus ada. Dia buat sendiri dengan kertas kotak. Kalau kita jumpa kotak dia ambik [ambil]. Dia jumpa kotak dia ambik [ambil]. Dia bawak balik dia buat patung.
- BA : Waktu tu [itu] dalam umur berapa dia *start* [mula] tunjuk kata dia minattu [itu]?
- PC : Dalam 6 tahun. Masa dalam sekolah tadika. Sekarang ni [ini] dah [sudah] darjah 5.

- BA : Lepas tu [selepas itu], apa reaksi Pak Chu bila sedar dia minat dalam wayang kulit ni [ini]? Apa perasaan pak chu waktu tu [itu]?
- PC : Sebabnya, barang barang -- kadang - kadang kita main sudah [habis] tu [itu]. kita tak simpan lagi. Malam-malam, Kita tinggal je [sahaja]. Kita bangun pagi, dalam pukul tujuh, pukul enam, dia tak sekolah la kot. Dengar bunyi dia main- - bunyi suara-- dia main. Sebabnye patung kita tinggal situ, barang-barang pon [juga] kita tinggal situ. Kita kata, dia minat ni. Lepas tu, ada sekali tu, RTM daripada Kuala Lumpur mari [datang], sebabnya dia ada dah. Dia keluar dalam Facebook. Tok dalang ni ada anak murid, cucu dia bernama Adam Eyo. Memang nak jumpa dia. Nak *interview* [temuduga] dia. Interview [temuduga] dengan dia. Kadang-kadang sekarang ni [ini] kan, kalau kat sekolah kan, ada hari --hari isnin baru ni ada pelajar yang mari [datang], mari [datang] tu [itu], saya gi [pergi] Tanah Merah—dia [mereka] semua *interview* [temuduga] dengan dia. Dia tunjuk patung, semua dia tunjuk laguni [macam ini] hak ni [yang ini] – laguni [macam ini] hak ni [yang ini]. Semua dia boleh buat. Dia boleh beritahu [bagi tahu] bila kita tanya dia. Ni dia gi [pergi] sekolah. Kalau dia tak sekolah, dia dah sibuk ni. Kalau orang mai [datang] *interview* [temuduga] dia sibuk bawa patung duk main patung.
- NNI : Dia duduk dengan Pak Chu ka?
- PC : Dia duk [tinggal] sebelah. Dulu dia duduk sekali. Tapi dia agama melayu, kita orang cina. Tak sesuai la. Sebab makan dia lain-lain. Tu [itu] dia buat rumah sebelah tu [itu].
- BA : Berkaitan dengan intonasi watak wayang kulit tu kan, watak lelaki, ada watak perempuan, watak lelaki. Macam mana Pak Chu nak *control* [mengawal] suara? Ka sama je [sahaja] suara tu [itu]?
- PC : Kalau kita nak jadi seorang tok dalang, kita kena ada 10 nada suara. Saya dah [sudah] belajar dah. Saya dulu dekat setahun [1 tahun] nak boleh [boleh] ubah suai suara. Sebabnya kalu [kalau] kita tak leh [boleh] malu. Kalau kita nak jadi seorang tok dalang. Dari segi suara kita tak [tidak] boleh malu. Kalau kita keluar kedai kopi, kita panggil 'Keluar mai

[datang] teh o se [satu].’ (mengajuk suara) Yang ni [ini] dia panggil suarasaid. ‘adoi tak makan lamo [lama] ni [ini]. Buat milo se’ (mengajuk suara) maknanya kita tak boleh malu. Lama-lama kita jadi tak malu. Kalau orang pemalu dia tak leh [boleh] jadi tok dalang. Sebabnya banyak yang saya ajar tu, suara dia lupa. Lupa lelaki macam ni [ini], orang tua macam ni [ini], jin macam ni [ini].

- BA : Kalau suara perempuan tu [itu], Pak Chu memang kena *control* [mengawal] macam perempuan lah?
- PC : Seakan-akan la. Biar suara dia lembut, suara tu [itu] halus sikit.
- NNI : Tok dalang ni [ini] ada ke yang perempuan?
- PC : Takde [tak ada]. Sebab tu [itu] la ada sorang [seorang] tu [iti] dia memang berminat. Hari-hari dia datang sini --. Dia nak belajar tok dalang. Saya kata tak leh [tak boleh]. Sebab tak sesuai. Sebab dia perempuan dia tak boleh buat suara laki-laki [lelaki]. Macam mana nak keluar suara jin. Tak [tidak] sesuai.
- BA : Kalau macam watak raja kan. Suara Dia kena gah macam tu [itu] ka?
- PC : Ya, suara raja macam lembut sikit lah. Contohnya ini Sri Rama. Ini pengasuh-pengasuh dia ni [ini] sri rama kata ‘ha inilah pengasuh ore [orang] tua Pak Dogol’. Dia panggil Said. Said ni pasal dia kecil, dia duk depe [depan] sekali dale [dalam] tempat raja duduk. ‘iyolah pengasuh said, iyo tuan aku baru panggil, pahtu [selepas itu] mulo -mula dok [duduk] depe [depan] doh [dah] ni [ini]’ (bercakap dalam nada suara mengajuk). Dia untuk membeza-bezakan suara.
- BA : Contohnya kalau persembahan tu [itu], buat dalam bahasa lain, selain bahasa melayu, kena control macam tu [itu] juga ke?
- PC : Ya. Dia tengok pada watak-watak tu [itu] juga.

- BA : Seterusnya persembahan di belakang layar tu [itu]. Tok dalangan berada di sebalik layar tu [itu], jadi bila cahaya kena kat tok dalang tu [itu], tak nampak ke bayang-bayang tok dalang dekat layar tu [itu]?
- PC : Tak. Kita duk [duduk] belakang lampu. Sekejap lagi awak tengok nantisaya tunjuk.
- BA : Seterusnya berkaitan dengan pencapaian pak chu. Sepanjang menjadi tok dalang ni [ini], apakah *moment* [detik] paling membanggakan bagi pak chu?
- PC : Saya yang paling saya bangganya, kita boleh pergi ke luar negara. Bermaknanya bayarannya lumayan la [lah]. Kalau kita main sini kat kuala lumpur dia bayar dua ribu. Kita pergi main sebelah luar Taiwan, dia bayar kita sepuluh ribu. Kalau kita pergi sebelah England ke [atau] sebelah Perancis. Dia bayar dengan duit dia. *Euro* dia, *Pound sterling* dia. Harga tu [itu] mahal. Kalau dia bagi kita seribu duit dia. Kita sini boleh dapat dekat lima ribu. Lepas tu [selepas itu] pulak [pula] kita tiap-tiap kali kita pergi bermain di luar negara, kita balik dia bagi kita pingat. Maknanya dia bagi duit lepas tu [itu] dia bagi sijil.
- BA : Seterusnya saya nak tanya pasal [berkenaan] bajet untuk menyediakan satu watak wayang kulit, anggaran dia dalam berapa?
- PC : Anggarannya saya tak tau. Masa buat dulu saya tak boleh nak agak bajet. Sebabnya sekangan ni [ini] bila kita beli kita boleh tahu, satu patung ni [ini] melibatkan tiga ratus ke [hingga] empat ratus satu patung. Baru kita tahu benda ni [ini]. Lepas ni [selepas ini] kita punya [patung] yang dulu-dulu kita jual. Sebabnya kita buat sendiri. Sebabnya ada satu muzium di [dekat] kuala lumpur. Muzium negara, dia nak wayang kulit yang lama. Kita boleh [boleh] jual yang lama. Sekarang ni [ini] semua kita guna semua yang baru. Sekarang ni [ini] yang baru semua yang kita tempah.
- NNI : Kiranya pak chu menjual juga patung-patung yang pak chu buat tu [itu]?

- PC : Ya.Jual.
- NNI : Kiranya berapa harga satu patung yang pak chu jual tu [itu]?
- PC : Yang kita jual tu [itu].Kita pon [juga] tak [tidak] sangka juga. Nasib baik dia tak tanya berapa harga patung. Lebih kurang empat puluh patung. Kiranya suka hati la nak bayar berapa pon. Empat puluh ribu , dia bayarseribu satu patung.
- NNI &BA : Mahalnya.
- PC : Yang kita beli ni [ini] dua tiga ratus saja [sahaja]. Lepastu [selepas itu] dia nak barang lama. Kalau boleh dia nak barang tu [itu] koyak -koyak, putus tangan. . Dia simpan dekat muzium. Seabtu la sekarang ni [ini] saya buat macam muzium at sebelah. Boleh simpan banyak barang- barang lama. Sebab anak saya dia keja dekat muzium. Dia keja kat [dekat] muzium ni dia jadi Timbalan Pengarah, sebab tu [itu] dia kata 'ayah buat la satu muzium, cari barang-barang lama'.Barang lama ni diabernilai. Kita beli dacing, dulu saya beli dalam empat puluh ringgit. Baru ni dia tanya saya nak bayar saya lapan lape [lapan]ratus. Nak cari manabenda tu [itu].
- BA : Masa pak chu mula-mula jadi tok dalang tu [itu], pak chu kata dapat gelaran tok dalang muda. Jadi pencapaian pertama tok dalang muda tu[itu] apa?
- PC : Maknanya dia, cara kita, takda pencapaian apa-apa. Tapi dia masa jadi tok dalang muda pak guru boleh tengok. Orang cina boleh main wayang kulit. Pastu [selepas itu] lama kelamaan tu [itu]--. Tok guru saya kata, awak mesti main tok dalang tua. Kiranya main tok dalang tua tu [itu] sampai ke hari ni la [lah]. Maknanya banyak sokongan.
- BA : Jadi tempoh masa yang diambil untuk pak chu jadi tok dalang muda ketok dalang tua, berapa lama masa yang diambil tu [itu]?
- PC : Lebih kurang setahun lebih juga.

- BA : Dalam tempoh tu [itu] juga la pak chu berlatih untuk *control* [mengawal] suara?
- PC : Ya--. Sebab dia masa tok dalang muda tu [itu] dia kena ada dua tiga suara juga tu [itu]. Untuk membezakan diantara raja dan rakyat dan anak-anak dia. Maknanya tiga nada.
- BA : Seterusnya, apakah penghargaan yang paling bermakna kepada pakchu?
- PC : Penghargaan macam saya cakap tadi la. Penghargaan saya mendapat tokoh dalam hidup. Tokoh tukang ulung, pastu tok dalang yang terbaik, tok dalang yang tersohor. Macam-macam lah saya dapat anugerah.
- BA : Apakah pencapaian terbaru pak chu dalam bidang wayang kulit ni?
- PC : Terkini, tu [itu] mace [macam] kata tadi la. saya sekarang ni [ini] kebanyakannya main wayang kulit moden. Maknanya kita boleh membuat pelbagai kempen. Macam orang boleh panggil kita gi [pergi] main tempat-tempat yang boleh kempen. Politik ke. Maknanya kita boleh buat. Contoh sini ore [orang] PAS [Persatuan Islam Se-Tanah Melayu] panggil kita, kita mai [datang]. Sini pulak UMNO [Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu]. Maknanya semua kita boleh.(Pak Chu ketawa)
- BA : Contoh kalau pak chu buat persembahan wayang kulit yang bertemakan politik tu [itu], macam mana nak membezakan warna dia tu [itu]?
- PC : Takda [tidak ada] warna. Kita tengok patung dia. Kita kata kalau ni wakilrakyat ni [ini] dia kena pakai galur, pakai baju bunga ke, pakai kot ke, baju batik ke. Lepastu [selepas itu] kita kena buat gambar dia macam ni [ini]. Macam ni [ini] rakyat -rakyat biasa. Pastu [lepas itu] kita kena buat lambang dia.

- BA : Seterusnya, saya dapati pak chu dinobatkan sebagai *icon* [tokoh] dikir antara kaum di anugerah malam himpunan dikir barat 2022. Apakah perasaan pak chu waktu tu [itu]?
- PC : Maknanya Saya berasa bangga lah. Saya tengok dalam studio dia ramaikan ada dalam dua puluh orang. Cuma Saya seorang je [sahaja] berbangsa lain. Saya berasa bangga. Orang kata salah sorang bangsacina boleh main tukang karut dikit barat. Kiranya bangga la saya ni [ini].
- BA : Sekarang pak chu ada mengajar sesiapa tak untuk menjadi tok dalang?
- PC : Tak [tidak] ada dah [sudah]. Saya ada cucu saya dah [sudah].
- BA : Ada tak [tidak] orang yang berminat untuk belajar?
- PC : Berminat tu [itu] ramai tetapi usia dia tua dah. Saya kata tak leh [boleh dah]. Saya kata kalau awak main lagi, awak boleh main, habis dah (pakchu ketawa) enam puluh lebih, lima puluh lebih, tak boleh dah. Tak sempat dah [sudah].
- BA : Seterusnya, sepanjang pak chu melibatkan diri di dalam wayang kulit ni [ini], apakah cabaran paling berat yang Pak Chu hadapi?
- PC : Cabaran yang paling beratnya kalau kita main jauh dari kelantan, maknanya perjalanan kita dah jauh sekali. Dengan makan dan minumannya, nak boleh sampai sana, kita kena keluarkan modal dulu. Untuk peserta-peserta kita, pemain muzik kita ni [ini]. Dengan *transport* [pengangkutan]. Kita kena cari modal.
- BA : Macam pak chu kata, pak chu ada kumpulan wayang kulit ni [ini]. Contoh kalau kata seorang dari ahli kumpulan ni [ini] tak dapat sertai persembahan tu [itu]. Macam mana pak chu nak mengatasi?
- PC : Maknanya kebanyakan terjadi macam tu [itu]. macam kita kata, besok kita nak pergi penang. Kita bagi tau [tahu] dah [sudah]. Berapa orang ni, sampai *last minit* [akhir minit] dia telefon, dia kata tak dapat. Orang tua

dia meninggal ka atau anak dia sakit ka. Susah la kita nak cari. Sebab kita kata kalau yang tak penting main canang atau main gong yang taksusah. Ni [ini] main serunai. Nak cari mana orang main serunai? Seaborang main serunai ni [ini] tak [tidak] ramai. Kita terpaksa la cari juga. Sebabnya kita ramai juga. Sebabnya sekarang ni [ini] dia merata-rata tempat ada. Ada pemain-pemain muzik jadi serunai saya. Contohnya kita nak main kat Penang. kita telefon kat [dekat] Penang. Saya nak serunai, main [pemain] gendang dan main [pemain] gong. Telefon berapa haribulan dan tempat lokasi tu [itu]. maknanya dia *standby* [siap sedia]. Maknanya kalau ada sakit, maknanya sene [senang]. Telefon sana--.

- BA : Maknanya orang yang dicari tu [itu] berlatih masa *rehearsal* [raptai] je [sahaja] la?
- PC : Bukan. Kebanyakannya, dia ore [orang] pandai dah [sudah]. Orang yang telah menjadi macam cikgu dah. Macam kata dia ada semua dah [sudah]. Tempat ore [orang] ajar [mengajar] muzik, ore [orang] ajar [mengajar] wayang kulit. Semua dia ada.
- BA : Dalam kumpulan pak chu ni, ada tok dalang muda tak?
- PC : Tapi sekarang ni [ini] dia dah meninggal dah. Kebanyakan ada tiga ore [orang]. Semua dah [sudah] meninggal. Sekarng ni [ini] Kita ringkaskancerita, kita tak main dah tok dalang muda. Maknanya tok dalang muda ni [ini] tak [tidak] penting. Cuma tok dalang muda ni [ini] main tak [tidak] lama. Dia masa dua jam, dua jam kita main, kita bagi tok dalang muda setengah jam. Kita ada sejam setengah je [sahja]. Maknanya singkat masa tu [itu]. kalau takde [tak ada] tok dalang muda, kita ada dua jam *direct* [langsung].
- BA ; Masa pak chu jadi tok dalang muda tu [itu], ada tak kawan-kawan pakchu lain jadi tok dalang muda juga?
- PC ; Ada. Ramai. Dia *try* [cuba] tok dalang muda ni [ini], perkara yang sene[senang]. Maknanya, malam ni [ini] bagi saya main tok dalang muda

untuk serang ni [ini]. Bagi dia main. Sebab tok dalang muda ni [ini], bukan kena bawa cerita apa. Dia boleh bercakap dan jalan patung patung ja [sahaja].

- BA ; Jadi tempoh masa tok dalang muda ke tok dalang, adakah sama atau berbeza-beza?
- PC : Sama. Satu tahun ja [sahaja].
- NNI : Persembahan yang paling jauh yang pak chu pernah pergi dekat mana?
- PC : Perancis.
- BA : Bagaimana dengan kenangan manis. Sepanjang pak chu jadi tokdalang? Kenangan manis yang pak chu tak boleh lupa?
- PC ; Pada saya, semua manis (semua ketawa). Takde [tak ada] jumpa lagi yang pahit, yang susah. Takde [tak ada] lagi.
- BA : Macam ada ka orang mintak Pak Chu buat persembahan tetiba dia *cancel last minit* [batalkan akhir minit]. Sedangkan pak chu dah keluarkan bajet ,pernah tak [tidak]?
- PC : Ada. Kadang-kadang ada. Kadang-kadang kita , kata orang daripada kuala lumpur, lepas tu [itu] dia nak mari. Dia tanya berapa bajet? Saya kata kalau main kat [dekat] sini lebih kurang seribu . Dia kata *okay* [baiklah]. Berapa haribulan nanti saya gi [pergi]. Dengan *cameraman* juru gambar . Siap [sudah siap] ni [ini][Kita duk [sedang] panggil. kita buat *rehearsal* [raptai] sebab dia nak tiga puluh minit. Yang pemain muzik kita ni [ini], awak [awak] ni [ini] lape [lapan] puluh, awak ni [ini] enam puluh. Awak ni [ini] seratus. Kita bajet duit kita ni [ini] seribu. Tiba-tiba *last minit* [akhir minit] dia telefon kata tak jadi. Barang kita cukup siap dah [sudah], nak buat persembahan. dia kata dia nak mari [datang] pukul sembilan pagi. Kita kata pukul sembilan baru kita boleh *start* [mula]. Kat [dekat] kelantan ni [ini] kita kena lepas imsak. Kita siap dah buat *rehearsal* [raptai] dah [sudah]. *Last minit* [akhir minit] lapan

setengah 8 dia telefon, tak [tidak] jadi. Kita habis dah seribu (Pak Chu ketawa).

BA : Apa pendapat pak chu jika wayang kulit ini tidak lagi menggunakan tok dalang dan digantikan dengan teknologi robotik. *Control* [mengawal] watak-watak tu [itu] guna robot. Apa pendapat pak chu?

PC : Saya rasa susah. Kalau semua barang ni [ini] guna robot. Sebabnya wayang kulit ni [ini] dia banyak watak. Takkan kita nak guna robot-robot. tiga watak pakai robot. Satu lagi, kita nak reka benda ni [ini], boleh jadikan kos tidak banyak. Kos tenaga pemain tidak banyak. Kita guna *tape* [pita]. Sebab sekarang ni [ini], dia guna *pendrive* [Pemacu kilat USB] kan. Dia *tape* [pita] lagu ni [ini], sekurang-kurangnya dia ada dalam dua belas. Dua belas cukup dah [sudah]. Kita boleh *tape* [pita]. Kita buatsitu, pertama kali satu lagu Pak Dogol, yang kedua lagu Sri Rama berjalan, lepas tu [itu] lagu sinar, lagu hulubalang. kita terima maknanyakita tak guna banyak tenaga. Kita gi [pergi] bawa patung dah [sudah] layar tu [itu]. kita kata maka Sri Rama akan berjale [berjalan] kita tekan number tujuh. kita buat dia berapa minit. kita buat macam tu [itu] lagi sene [senang]. Sebabnya Tok dalang dengan patung ni [ini] kita memang tak boleh ubah. Dari segi muzik kita boleh ubah. Dia magik. Macam orang kata nyanyi karaoke la kan. Ni lagu P. Ramlee ke, lagu Dj Dave ke (Penyanyi veteían). Kita amik [ambil] muzik dia. Tapi kita kenabuat suara macam Ahmad Jais (Pak Chu ketawa).

BA : Seterusnya berkaitan dengan muzium seni warisan tok dalang pak chu? Adakah tuan mempunyai muzium wayang kulit sendiri.?

PC : Ya ada.

BA : Bilakah muzium ini mula ditubuhkan?

PC : 2015

BA : Berapa lama muzium ini telah ditubuhkan?

- PC : Sampai hari ni la. Start [mula] 2015 sampai 2023.
- :
- NNI : Ada tak [tidak] pengunjung yang datang mengunjungi muzium ini?
- PC : Ada. Sebab kita masuk [letak] dalam Facebook kan. Ada dari johor. Banyak la datang. Tapi kalau datang pon kita kira percuma.
- BA : Apakah sebab utama pak chu tubuhkan muzium ni [ini]?
- PC : Sebabnya anak saya kerja sebagai itu [Timbalan Pengarah] di muzium. Selepas dia balik kemari dia mari [datang] cari benda-benda yang lama. Kalau kita kira, nilai pun [juga] mahal. Kita tengok - - banyak, setahun, banyak beribu dia bawa balik ke Kuala Lumpur. kita fikir benda ni [ini] akan jadi mahal. Kita tak tau [tahu]. Kadang-kadang kita buat kuih sare [sarang]. Kadang-kadang kita buang je [sahaja] bare [barang] tu [itu]. kita cari nasib baik ada lagi. Sebab dia batu. (Pak Chu ketawa). Lepas tu [itu] benda- benda lama-lama. Patung pare [parang] lama-lama. kita buang. Kita fikir-fikir benda ni [ini] berharga. Baik kita mari simpan.
- NNI : Berapakah kos yang pak chu sudah keluarkan untuk tubuhkan muzium ini?
- PC : Sebabnya kos ini melalui kerajaan. Saya minta kerajaan.
- BA : Adakah wujud aspek dari mana-mana kaum dalam rekabentuk muzium ini?
- PC : Tiada. Saya sendiri je [sahaja].
- BA : Bagaimanakah penerimaan penduduk kawasan kampung pak chu terhadap penubuhan muzium ini?
- PC : Memang diorang [mereka] berbangga juga lah. Sebabnya dia kata Pasir Parit ni [ini] bukan saja [sahaja] ada tok dalang orang cina, dikir barat cina. Saya ada dengan dewan ada, nak buat kenduri kawin ka, takda [tidak ada], rumah kecil dia boleh mari [datang] buat sini. Lepas tu kita

buat muzium. Maknanya dia suka lah. Pasal setiap tahun macam hari raya, semua kita panggil orang ramai, buat makan. Jamuan. Tiap-tiap tahun. Hari raya pertama penuh kat [dekat] sini.

NNI : Pak chu kenakan sewa ke kalau orang nak buat kenduri kat muzium ni[ini]?

PC : Tak [tidak]. Sebab kita ni kos daripada kerajaan. Kerusi meja semua kerajaan. Makna kita percuma je [saja] lah. Kepada sini lah, Kampung Pasir Parit.

BA : Adakah wujud sebarang masalah semasa proses pembinaan muzium ini?

PC : Banyak masalah. Nak siapkan muzium. Nak siapkan dewan. Macam- macam halangan.kade-kade [Kadang-kadang] orang tu [itu] buat kerja, dah [sudah] bayar siap, dia tak mari [datang] buat. Cari orang lain. Banyak macam tu [itu] berlaku. kalau kita tak sabar. Memang kita tak buat. Kita kena usaha juga biar benda ni [ini] berjaya.

NNI : Berapa lama masa diambil untuk menghasilkan muzium ini?

PC : Lebih kurang dua bulan.

NNI : Ada pihak yang terlibat lah?

PC : Ya.

BA : Kira muzium ni [ini] atas tanah pak chu sendiri kah?

PC : Ya.

BA : Bagaimana muzium ini memperoleh bahan-bahan untuk dipamerkan?

PC : Saya terpaksa kena cari lah. Saya pergi kat mana-mana negeri. Tanya dimanakah orang jual barang-barang lama. Kalau kat [dekat] Penang,

dia panggil Pasar Karat. Maknanya kita kena gi [pergi] situ. Dia ada macam-macam dia jual.

- BA : Jadi kalau untuk mendapatkan barang-barang tersebut, adakah pak chu mengeluarkan wang sendiri atau mendapat bajet daripada kerajaan?
- PC : Wang sendiri.
- BA : Untuk patung wayang kulit ni, sejak pak chu *design* [rekaan] dia tu [itu], berapa lama dia boleh bertahan, tempoh masa dia sebelum dia rosak?
- PC : Kena pandai jaga dia lah. Kalau kita tak [tidak] pandai jaga, dalam tiga tahun macam tu [itu] lah. Saya ada yang dua puluh tahun pon [juga] ada. Sebabnya kita bila kita pergi main, kita balik kita kena *check* [periksa] tengok. Kita kena sembur dia punya clear. Yang mana dia putus, kita akan sambung.
- BA : Untuk sambung tu [itu], guna gam atau jahit?
- PC : Gam - -.
- NNI : Kerosakkan tu [itu] dari segi apa?
- PC : Warna luntur. Satu lagi masa diorang [mereka] simpan tu [itu], dia ada lipat, kulit ni [ini] bila dia lipat, kita buka dia patah dah [sudah]. Kadang- kadang kalau boleh *repair* [baiki] kita *repair* [baiki]. Kalau tak [tidak] boleh *repair* [baiki] kita kena buat patung lain.
- BA : Pernahkah berlaku kerosakan pada barang pameran di muzim pak chu?
- PC : Tak pernah lagi.
- BA : Untuk orang ramai yang tidak mengetahui dimana terletak muzium ini, boleh pak chu bagi lokasi?
- PC : Lokasi saya rasa anak saya buat muzium warisan.

- BA : Boleh google la?
- PC : Ya. Sebab dia orang jauh-jauh mari pon kata bagitau dia tengok dari situje [sahaja] boleh cari *location* [lokasi] dia.
- BA : Apakah tarikan yang terdapat di muzium seni warisan ni [ini]?
- PC : Macam-macam lah. Kebanyakannya benda tu [itu] ore [orang] tak [tidak] kenal lagi. Ni [ini] apa dia ni [ini]. Apa dia panggil ni [ini] kadang- kadang kita sendiri pon [juga] tak [tidak] tau [tahu] nak sebut. Kalau kitabeli dari Sarawak, kita kena tanya pasal, anak sedara [saudara] saya orang sarawak. Menantu saya orang sarawak. Menantu saya ni [ini] kiraada melayu, ada cina, ada siam ada iban.
- BA : Campuran.
- PC : Ya, campuran.
- BA : Lepas tu [itu], siapakah yang boleh dihubungi jika orang ramai ingin datang melawat ke muzium ni [ini]?
- PC : Boleh hubungi anak saya.
- BA : Contoh kalau macam ada orang nak datang ke muzium ini, adakah pak chu akan memperkenalkan tentang wayang kulit, atau mereka boleh berjalan-jalan dalam ni [ini]?
- PC : Boleh berjalan-jalan. Boleh tengok-tengok muzium. Boleh tengok alat muzik. Kita ada macam-macam alat muzik. Kita ada mak yong, menora. Kalau orang tanya mana alat dikir barat. Ni [ini] alat dikir barat, ni [ini] utuk silat, ni [ini] untuk main puteri., ni [ini] untuk wayang kulit. Makna dia. Dia tak [tidak] sama.
- BA : Maksudnya muzium ini bukan tertumpu kepada wayang kulit sahaja lah.

- PC : Tak – [tidak]
- BA : Seterusnya, apakah peraturan yang dikenakan kepada pelawat jika datang melawat ke muzium ini?
- PC : Peraturannya tidak ada. Jika datang tak [tidak] beritahu pon [juga] nak mari [datang], kita buka bagi tengok. Cucu saya ada jaga. Kalau tak anak saya, tengok-tengok gini [begini] lah. Kerana kita tidak ada bayaran.
- NNI : Seterusnya kalau ada orang datang muzium ni, adakah pak chu akan tunjuk arah, untuk ke arah mana-mana ke? Kalau wayang kulit ke arah ni [ini]. Dikir barat ke arah ni [ini].
- PC : Ada la kita tunjuk.
- BA : Pernah ke orang selain dari warganegara Malaysia datang ke muzium ini?
- PC : Ada, luar negara, ramai juga lah.
- NNI : Kebanyakan dari orang apa? Indonesia kah?
- PC : Dia kebanyakannya China. China ni [ini] dia bawa lah jurubahasa dia. Sebab kita tak tau [tahu] nak cakap cina. Kita cina bahasa mandarin lah.
- NNI : Pak chu tak [tidak] tau bahasa cina?
- PC : Tak [tidak] tahu. Kadang-kadang bila dia telefon dia nak mari. Kita carilah anak-anak sedara [saudara] ka apa ka.
- BA : Seterusnya kalau ada orang awam yang ingin menyumbangkan bahan-bahan kepada muzium ini, macam mana mereka nak sumbangkan tu [itu]?
- PC : Ramai. Kita bayar. Dia bagi barang-barang ni [ini]. Berapa nilai harga. Kita bayar suka hati macam tu [itu] la. Dia tiada harga.
- BA : Pak chu yang tentukan harga atau mereka yang tentukan harga?

- PC : Kita sendiri. Sebab dia tak [tidak] tau [tahu]. Dia ada, 'barang ibu saya, ada seterika'. Jadi kita bagi dia seratus ka. Tengok keadaan bare [barang] tu [itu] la
- BA : Bagaimanakah pak chu mempromosikan muzium ini kepada orang luar?
- PC : Kita masuk ke dalam telefon. Kalau dia tahu kita bagi sekali dnegan location [lokasi] sene [senang].
- BA : Pernah tak muzium ini mengalami kerugian?
- PC : Ada. Baru ni di dalam lebih kurang enam puluh ribu.
- BA : Kenapa tu [itu]?
- PC : Barang kita dulu, keris, baldi, barang-barang tu [itu] jatuh. Ada buat masa dulu nak tabal [menabalkan] Raja Kelantan jadi Agung. Sambutan raja-raja. Lepas tu [itu] dia hantar lembing. Ada sehari tu [itu] saya tinggal rumah, saya gi [pergi] main wayang kulit. Bukan jauh, saya main kat [dekat] kedai bawah tu [itu] ja [sahaja]. Kat kedai tu [itu]. Semua orang tinggal rumah. Tengok esok habis. Satu peti. Lebih kurang enam puluhribu la nilai dia.
- NNI : Warung tu [itu] warung pak chu kah?
- PC : Ya, Warung sewa.
- BA : Bagaimana pak chu mengatasi kerugian tu [itu]?
- PC : Kita mencari lain la. Sebab kita tidak melibatkan *report* [laporan] kerajaan. Kita kira sendiri lah.
- BA : Seterusnya, untuk harapan pak chu. Apakah perasaan pak chu jika satu hari nanti, terdapat generasi muda mula menunjukkan semula minat mereka terhadap wayang kulit ni [ini]?

- BA : Maknanya saya suka lah. Nak ajar, bukan sekadar wayang kulit saja, kebudayaan lain pon saya boleh ajar. dikir barat kah. Maknanya kita boleh hidupkan budaya ni [ini] biar kekal sampai bila-bila.
- BA : Selain dari wayang kulit, pak chu juga melibatkan diri dalam seni-seni yang lain kah?
- PC : Contohnya orang nak belajar main puteri. Puteri ni [ini] nak ajar jampi dia. Kita ajar dikir barat tu [itu]. Macam dikir barat tu [itu] kita ajar jadi tukang karut. Dikir barat kena ajar jadi tukang karut. Kita buat dalam seminggu sekali.
- BA : Untuk dikir barat tu [itu] , pak chu ada kumpulan sendiri juga kah?
- PC : Budak-budak sekolah. Budak-budak besar dah [sudah] dalam tingkatan lima, tingkatan empat. Kita pernah dah [sudah] pergi Kuala Lumpur, Penang dah [sudah].
- NNI : Pak chu ambil bayaran ka semasa mengajar tu [itu]?
- PC : Tak [tidak]. Kita bagi lagi dia makan (Pak Chu ketawa). Sebab kita nak menggalakkan.
- BA : Seterusnya, apakah pesanan pak chu kepada anak muda generasi sekarang berkaitan seni-seni yang ada di malaysia sekarang?
- PC : Kita pernah jumpa, pergi sekolah, kita beritahu [bagitahu] dia, 'dari awak melepak tak tentu hala, baik awak datang rumah saya, saya boleh ajar dikir barat. Awak suka wayang kulit, saya ajar wayang kulit. Suka nak main muzik, saya ajar.' Sebabnya tiada bayaran. Ore [orang] kata satu orang tu [itu] lima belas runggit ke, takde-takde [tiada]. Percuma je [sahaja]. Kita kira sebab kita ni semakin tua, kalau boleh sebelum kita meninggal ni [ini], biar ada lah pelapis.
- NNI : Berapa ramai pelajar yang Pak Chu ajar?

- PC : Lebih kurang dua puluh orang. Kita nak guna lima belas je [sahaja]. Takpa kita amik [ambil] ramai.Tapi kita ajar ja [sahaja]. Kalau ada masalah yang ni [ini] tak leh [boleh] gi [pergi]. Kita cukup 15 orang la.
- NNI : Kesemua tu [itu] ada potensi ke?
- PC : Ada, Kita tengok dalam sehari dua.
- BA : Kat malaysia ni ada persatuan seni budaya kan. Apa pesanan pak chu kepada mereka untuk mereka mempertahankan seni wayang kulit ni [ini]. Supaya tak lupa la. Supaya generasi sekarang ni [ini] tak [tidak] lupa?
- PC : Sekarang ni [ini] saya ajar budak-budak dikir barat tu [itu]. Bila dikir barat nampak boleh dah [sudaj], jadi kita panggil dia muzik wayang kulit pulak[pula]. Siapa yang suka nak jadi tok dalang, masa saya hidup ni [ini]. Saya akan ajar. Biar semua boleh. Sebabnya di Kampung Pasir Parit ni[in], dia panggil gedung budaya. Dulu dia diistilahkan oleh menteri sebagai Kampung Budaya. Lepas tu [selepas itu],dia beri [bagi] kampung budaya, dia perluaskan jadi gedung budaya. Mana-mana tu [itu] kalau mari [datang] sini kita boleh bawa jalan dia. Nak tengok kebudayaan, kehidupe [kehidupan]. Sebabnya kalau kita tengok, kita tak boleh beza melayu dan cina dan siam. Dari segi mekene [Makanan], dari segi pakaian, segi kedudukan memang sama. Makna dia kebudayatu semua sama.
- BA : Contoh alat muzik dikir barat dan alat muzik wayang kulit, adakah mereka lebih kurang ja [sahaja]?
- PC : Tak [tidak] sama. Dia macam yang main wayang kulit ni [ini], dia tak [tidak] boleh main muzik dikir barat. Yang main dikir barat dia tak [tidak]main. Sebab dia jarang-jarang ada yang boleh main semua ni [ini]. Sebab dia belajar semua.
- NNI : Muzik dikir barat tu [itu], muzik yang digunakan tu [itu] muzik jenis apa?

- PC : Dia panggil rebana. Rebana kecil, rebana besar. Ada satu tu [itu] dia pakai dipanggil romba. Gong pula di pakai satu. Canang pon [juga] satu. Dia tak [tidak] guna serunai. Tapi sekarang ni [ini], orang ada guna serunai. Dah moden sikit.
- NNI : Dia sama macam wayang kulit juga ka? satu orang boleh main dua alatuzik?
- PC : Lain.
- NNI : satu muzik satu orang sahaja?
- PC : satu orang sahaja. Dikir barat dia tak [tidak] boleh buat dua jalan [gerak]sekali.
- BA : Soalan terakhir ialah, apakah harapan pak chu berkaitan dengan seni wayang kulit ni?
- PC : Harapan saya, pada masa akan date [datang], masa sekarang ni [ini] pon [juga] , biarlah kata berkekalan. Biar ada anak-anak muda kita ni [ini] berjinak-jinak dengan wayang kulit dikir barat ni [ini]. Sebabnya satuhari nanti kita takut benda ni [ini] kata ore [orang] hilang tak [tidak] berganti. Biar dia Patah tumbuh hilang tak [tidak] berganti. Biarla benda ni [ini] berkekalan. Sebabnya kemungkine [kemungkinan] satu hari nanti,kalau kita boleh tengok dalam kelantan kita ni [ini]. kalau kita nak kumpulan wayang kulit ke, nak menora ke. Menora dengan Mak Yong memang dia pupus. Sebabnya kalau kita nak main juga, kita kena [kena] ke Kuala Lumpur. Di kuala lumpur ada semua kebudayaan. Dia panggil ASWARA (institusi pengajian tinggi dalam bidang persembahan yang disokongi sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia). Semua ada. Kadang- kadang kita nak main Mok [Mak] yong, kita kena panggil ASWARA.
- BA : Soalan ni l[ini] lari sikit [sedikit] dari wayang kulit. Mak yong tu [itu], diamacam mana?

- PC : Mak yong ni [ini] dia perempuan. Orang perempuan buat laki-laki. Dia sebagai raja. Raja ni [ini] memang perempuan, tetapi nama dia dalam cerita tu [itu] laki-laki. Tapi sekarang ni [ini], bila kerajaan kita dia haramkan perempuan. Perempuan bermain. Mak yong ni [ini] dia kena perempuan. Macam menora, dia kena campur dengan siam. Sebabnyadia campur dengan perempuan. Sebabnya kerajaan dia tidak menggalakkan. Sebab tu [itu] ada sekarang ni [ini] ada di pejabatpelancongan tu [itu], dia buat mak yong orang laki-laki [lelaki]. Tapi dia tak [tidak] panggil mak yong, dia panggil Pok [Pak] Yong (semua ketawa). Ada Azad Aznan. Dia ajar [mengajar] Pok [Pak] Yong. Maknanya jumpa dia kita panggil Pok [Pak] Yong.
- BA : Jadi persembahan Pak Yong ni [ini] atau Mak Yong ni [ini], dia macam sekumpulan ke?
- PC : Tak, dia lain-lain. Dia satu kumpulan juga, tapi dia kebanyakan perempuan, kalau mak yong. Kalau menora ada perempuan yang jadi inang-inang dia.
- BA : Inang-inang tu [itu] macam pembantu-pembantu dia ka?
- PC : Ya. Dan cerita dia tu [itu] ada inang-inang dia. Sebab tu [itu] kerajaan tak benar lah. Baru-baru ni [ini]a saya.. masa dulu, tok guru, menteri besar dulu tok guru. Masa tu [itu] dalam tahun 1990, dia tak [tidak] boleh main semua kebudayaan. Mak yong, dikir barat, wayang kulit. Lepas tu [itu] kita buat satu perjumpaan.
- BA : Penggiat- penggiat seni la?
- PC : Penggilat- penggiat seni. Bahagian ni [ini] bahagian wayang kulit ja [sahaja]. Panggil dia .. jumpa tok guru. Lepas tu dia kata nak main ni [ini] bukan kata dihalang. Dol [tidak] tapi [tetapi] jangan bercampur dengan puja memuja. Dia wayang kulit dulu dia baca mantera, dia kata satu lagi, dalam patung wayang kulit ni [ini], tidak ada perempuan. Saya, tiga ore [orang] hak [yang] lulus .Dia pergi dulu dua puluh ore [orang]. Tigo [tiga] ore [orang] menteri besar kata boleh main. Sebab dia boleh mengikut

kehendak dia. Tiada puja memuja, tiada perempuan. Satu lagi tidak melibatkan agama. Masa tu [itu], bila dia lulus tigo [tiga] orang, kita buat juga benda tu [itu] nya. Tapi kita kat kenduri ke puja memuja ni [ini], tidak. Kita kena buat daripada petang tu [itu] lagi. daripada pukul empat ke pukul lima lagi. Maknanya kira kita tak [tidak] main lagi lah. Orang pun [juga] tak [tidak] mari [datang]. Lepas tu [itu] kalau kita main malam, dia hantar wakil dia mari [datang]. Mari [datang] tengok. 'Awak boleh main dia kata, saya tak [tidak] boleh main. Sebabnya awak tak [tidak] ikut kehendak tok guru'. Kat [dekat] depan dia ikut la kehendak dia. Biladia balik buat juga.

- NNI : Zaman Sekarang ni [ini] wujud lagi ke puja memuja ni [ini]?
- PC : Tak dah [tidak sudah]. Sebab bila lama kita tinggal, benda ni [ini] kita fikir-fikir, kalau kita tinggal terus pun [juga] tak [tidak] apa. Orang tua dulu-dulu kata, kalau tak [tidak] buat, takleh [tak boleh]. Takleh [tak boleh] main wayang kulit. Kita pon [juga] dah [sudah] tak [tidak] buat. Kita pon [juga] tak [tidak] buat. Dah [sudah] lama tak [tidak] buat. Sampai ke hari ni [ini] pon [juga] kita tak [tidak] buat lah. Kadang-kadang ada orang suruh buat pon, kita lupa dah [sudah] benda tu [itu]. Berpuluh tahun dah [sudah] tinggal.
- NNI : Macam mana kita nak tau [tahu] , persembahan tu [itu] menggunakan konsep puja memuja.?
- PC : Dia buat ritual dulu. Sebabnya wayang kulit ka mak yong ka, menora ke dia kena buat dulu. Dia kena bersahabat dengan makhluk halus ni [ini], kalau tak [tidak] dia buat kita dengar. Zaman dulu kan dok main tak [tidak] jadi apa, maknanya dia tak [tidak] buat.
- NNI : Tadi pak chu ada *mention* [menyebut], buat persembahan dekat Penangkang? Persembahan apa yang pak chu persembahkan?
- PC : Persembahan hari jadi. Persembahan hari jadi dia punya datuk dia.

- BA : Jalan cerita tu [itu] kena pasal [berkenaan] watak yang menyambut hari jadi tu [itu] lah?
